



# LAPORAN TAHUNAN 1977-78

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

KDN 0681/79

# UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

## LAPORAN TAHUNAN 1977-78

### KANDUNGAN

Laporan Naib Canselor . . . . .	1
Laporan Fakulti/Bahagian	
Fakulti Pertanian. . . . .	19
Fakulti Perhutanan . . . . .	26
Fakulti Kedokteran Veterinar & Sains Peternakan . . . . .	32
Fakulti Ekonomi Sumber & Perniagaantani . . . . .	45
Fakulti Kejuruteraan Pertanian . . . . .	50
Fakulti Perkhidmatan Pendidikan . . . . .	55
Fakulti Sains & Pengajian Alam Sekitar . . . . .	60
Pusat Pengembangan & Pendidikan Lanjutan . . . . .	69
Perpustakaan . . . . .	76
Ladang . . . . .	86
Kampus Cawangan Sarawak. . . . .	93



## LAPORAN NAIB CANSOLOR

Naib Canselor — Profesor Tan Sri Datuk (Dr.) Mohd. Rashdan bin Haji Baba, PSM., DPMS., JSM., PPT. Dip. Agric. (Malaya), B.Sc. (Reading), Ph.D. (Leeds).

Tahun akademik 1977-78 adalah merupakan detik yang paling bersejarah dalam perkembangan Universiti Pertanian Malaysia di mana sebagai sebuah universiti yang muda buat pertama kalinya telah melahirkan siswazah-siswazah sains dalam bidang pertanian, perhutanan dan perniagaantani.

Istiadat Pertabalan Canselor dan Pengisytiharan Perlantikan Pro Canselor-Pro Canselor telah diadakan pada 30hb. Julai, 1977 di mana Duli Yang Maha Mulia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ibni Al-Marhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Al-Haj telah dilantik sebagai Canselor Pertama Universiti Pertanian Malaysia serta Yang Amat Berhormat Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun dan Yang Berhormat Tan Sri Ong Kee Hui sebagai Pro Canselor-Pro Canselor.

Pada Majlis Konvokesyen yang pertama, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman Yaakub telah dianugerahkan dengan Ijazah Kehormat, Doktor Sains Kehormat.

Selain daripada peristiwa di atas, perkembangan-perkembangan yang pesat telah berlaku baik dari segi akademik mahupun bukan akademik. Universiti Pertanian Malaysia masih menunggu keluaran pertama siswazah-siswazah dari program-program Ijazah Doktor Perubatan Veterinar dan Bachelor Kejuruteraan (Pertanian) di mana Universiti Pertanian Malaysia merupakan satu-satunya universiti tempatan yang menawarkan program-program tersebut.

### Majlis

Majlis tetap bagi Universiti Pertanian Malaysia yang telah ditubuhkan selepas berkuatkuasanya Perlembagaan Universiti pada 1hb. Januari, 1977, telah bersidang buat pertama kalinya pada 9hb. Jun, 1977 di bawah pimpinan Pengerusinya Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Kadir bin Shamsuddin. Sepanjang tahun akademik 1977-78, Majlis telah bersidang untuk empat mesyuarat biasa dan satu mesyuarat khas.

Yang Berbahagia Dato' Haji Basir bin Ismail telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Majlis mengikut peruntukan seksyen 15(3) Perlembagaan Universiti.

Majlis merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasihnya kepada ahli-ahli Majlis Sementara yang telah mengurus dan mengendalikan hal ehwal Universiti sehingga tertubuhnya Majlis tetap mengikut seksyen 15 Perlembagaan Universiti.

Untuk membolehkan Majlis menumpukan perhatiannya kepada perkara-perkara dasar dan yang berkaitan dengan Perlembagaan (seperti pembuatan Akta dan Statut), beberapa Lembaga dan Jawatankuasa telah ditubuhkan. Antaranya termasuklah Jawatan-



kuasa Tetap Perkhidmatan, Jawatankuasa Tetap Kewangan, Lembaga Tender dan Jawatankuasa Tatatertib Universiti.

### Senat

Dengan berkuatkuasanya Perlembagaan Universiti pada awal tahun 1977, Lembaga Akademik yang merupakan protem Senat telah digantikan dengan Senat Universiti yang terdiri dari ahli-ahli berikut:

- (a) Naib Canselor yang akan menjadi Pengerusi;
- (b) Timbalan-timbalan Naib Canselor;
- (c) Dekan-dekan Fakulti dan Ketua-ketua Yayasan atau Pusat;
- (d) Timbalan-timbalan Dekan Fakulti dan Timbalan-timbalan Ketua Yayasan atau Pusat;
- (e) Profesor-profesor Universiti (tidak termasuk Profesor-profesor Lawatan);
- (f) Pengarah Ladang;
- (g) Ketua Pustakawan; dan
- (h) Seorang ahli dari tiap-tiap Fakulti, Yayasan atau Pusat yang dipilih oleh Fakulti, Yayasan atau Pusat itu dari antara ahlinya masing-masing.

Pendaftar Universiti atau wakilnya adalah menjadi Setiausaha Senat.

Sepanjang tahun akademik 1977-78 Senat telah bersidang untuk sembilan mesyuarat biasa dan satu mesyuarat khas. Perkara-perkara dasar tentang hal-ehwal akademik sentiasa diamati oleh Senat dan peraturan-peraturan tertentu telah disediakan. Ini termasuklah perkara-perkara yang berkaitan dengan pengajian tanpa ijazah (non-graduating), kehadiran pegawai-pegawai dalam seminar, konferensi atau woksyp antarabangsa, dan penganugerahan hadiah kepada pelajar-pelajar terbaik. Bagi melaksanakan peraturan-peraturan itu dengan licin, beberapa Jawatankuasa telah ditubuhkan seperti Jawatankuasa Tetap Seminar, Konferensi dan Woksyp, dan Jawatankuasa Hadiah Universiti.

Senat telah juga melantik beberapa orang Pemeriksa-pemeriksa Luar dan mengesyorkan kepada Majlis Universiti pencalonan-pencalonan bagi perlantikan Pesekutu-pesekutu Akademik bagi Fakulti-fakulti tertentu.

### Kewangan

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga (1976-80) Universiti Pertanian Malaysia telah diberi peruntukan pembangunan berjumlah \$65.56 juta, terdiri dari \$48.66 juta untuk pembangunan fizikal Kampus Serdang, \$1.9 juta untuk Kampus Cawangan Sementara di Semenggok, Sarawak dan \$15 juta untuk Kampus Cawangan Tetap di Bintulu, Sarawak.

Pembangunan fizikal kampus-kampus ini terus dipesatkan lagi dalam tempoh masa tahun akademik 1977-78. Beberapa bangunan dan kemudahan fizikal akademik dan bukan akademik telah dapat dilaksanakan untuk menampung keperluan-keperluan program-program akademik dan bukan akademik yang telah dirancangan.



Dari segi perbelanjaan kewangan pula, sebanyak \$24.91 juta telah dibelanjakan setakat penghujung bulan Julai, 1978 (\$23.72 juta untuk Kampus Serdang, \$1.08 juta untuk Kampus Semenggok dan \$0.11 juta untuk Kampus Bintulu).

### Pembangunan

Projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga (1976-80) yang telah siap pada penghujung bulan Jun, 1978 adalah seperti berikut:—

- (a) Bangunan Sains Kajihayat.
- (b) Padang-padang dan Kemudahan-kemudahan Sukan.
- (c) Bangunan Fakulti Kejuruteraan Pertanian.
- (d) Bangunan-bangunan Agronomi/Sains Tanah.
- (e) Bangunan Sains Haiwan (Peringkat I).
- (f) Unit Tenusu dan Peranian Beradas.
- (g) Bengkel-bengkel/Stor-stor Ladang.
- (h) Bangunan Fakulti Perhutanan.
- (i) Kolej Kediaman Keempat.
- (j) Sembilan Blok Asrama Kampus Cawangan Sementara di Semenggok, Sarawak.
- (k) Kolej Kediaman Kelima.
- (l) Dua Unit Rumah Pengetua Asrama.
- (m) Sebuah Stesen Janaelektrik Induk (Sistem Elektrik Secara Pukal).
- (n) Pemasangan Alat Perhubungan Telefon (Sistem PABX).

Projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga (1976-80) yang sedang dalam pembinaan pada penghujung bulan Jun, 1978, adalah seperti berikut:—

- (a) Bangunan Fakulti Kedoktoran Veterinar (Peringkat II).
- (b) Kemudahan-kemudahan Fizikal (seperti Makmal-makmal, Surau, Pusat Pelajar, Rumah Kediaman Pegawai, Dewan Kuliah, Perpustakaan dan Lain-lain), Kampus Cawangan Sementara di Semenggok, Sarawak (Peringkat II).
- (c) Bangunan Dewan Besar dan Panggung Percubaan.
- (d) Kolej Kediaman Keenam.
- (e) Kolam Air Tambahan ( $\frac{1}{2}$  juta gelen) dan Reticulation di Kampus Serdang.
- (f) Stesen Perikanan dan Sains Samudera di Kuala Trengganu (Peringkat I dan II).
- (g) Pembinaan Sebuah Kapal Menangkap Ikan untuk Bahagian Perikanan dan Sains Samudera.
- (h) Empat Unit Rumah Pengetua Asrama.

Projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga (1976-80) yang sedang dalam peringkat perancangan pada penghujung bulan Jun, 1978 ialah seperti berikut:—

- (a) Stesen Perikanan dan Sains Samudera di Port Dickson.
- (b) Pembinaan Sebuah Kapal Penyelidikan untuk Bahagian Perikanan dan Sains Samudera.
- (c) Bangunan Fakulti Perikanan dan Sains Samudera.

- (d) Bangunan Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan.
- (e) Kerja-kerja Pengubahsuaian untuk Fakulti Perkhidmatan Pendidikan.
- (f) Bangunan Perpustakaan Tambahan (termasuk Pusat Komputer).
- (g) Kompleks Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar
  - (i) Bangunan Sains Fizikal.
  - (ii) Bangunan Biokimia/Mikrobiologi.
  - (iii) Bangunan Sains Alam Sekitar.
  - (iv) Kerja-kerja Pengubahsuaian Jabatan Matematik.
- (h) Bangunan Fakulti Pertanian.
- (i) Bangunan Sains dan Teknologi Makanan.
- (j) Bangunan Pentadbiran.
- (k) Kompleks Rumah Kaca/Insectory.
- (l) Unit Memproses Makanan.
- (m) Kompleks Gimnasium dan Kolam Renang.
- (n) Rumah Kediaman Naib Canselor.
- (o) Enam Unit Flat Pegawai.
- (p) Pembangunan Fizikal Kampus Cawangan Tetap di Bintulu, Sarawak.
- (q) Bangunan Pusat Serantau WHO/PEPAS.
- (r) Masjid Serdang.

#### Kemasukan dan Rekod

Pada tahun akademik 1977-78, Universiti Pertanian Malaysia telah menawarkan sebanyak 13 program di peringkat Bacelor, 5 program di peringkat Diploma dan program-program di peringkat Ijazah Lanjutan. Kampus Cawangan Sarawak juga menawarkan program Pendahuluan di samping program-program Diploma Pertanian dan Perhutanan. Program-program pada peringkat Ijazah Lanjutan juga turut ditawarkan. Berikut adalah nama-nama program yang ditawarkan.

Program	Jangkamasa	Kampus
Doktor Perubatan Veterinar	5 tahun	Serdang
Bachelor Sains Pertanian	4 tahun	Serdang
Bachelor Sains (Perhutanan)	4 tahun	Serdang
Bachelor Sains (Perniagaantani)	4 tahun	Serdang
Bachelor Sains (dengan Kepujian)	4 tahun	Serdang
Bachelor Sains dengan Pendidikan (dengan Kepujian)	4 tahun	Serdang
Bachelor Kejuruteraan (Pertanian)	4 tahun	Serdang
Bachelor Sains dan Teknologi Makanan	4 tahun	Serdang
Bachelor Sains (Teknologi Rumahtangga)	4 tahun	Serdang
Bachelor Pendidikan (Sains Pertanian)	4 tahun	Serdang
Bachelor Pendidikan (Teknologi Rumahtangga)	4 tahun	Serdang
Bachelor Sains (Ekonomi Sumber)	4 tahun	Serdang
Bachelor Sains (Alam Sekitar)	4 tahun	Serdang
Diploma Pertanian	3 tahun	Serdang dan Sarawak
Diploma Sains dengan Pendidikan	3 tahun	Serdang



Diploma Teknologi Rumahtangga	3 tahun	Serdang
Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan	3½ tahun	Serdang
Diploma Perikanan	3 tahun	Serdang
Diploma Perhutanan	3 tahun	Sarawak
Pendahuluan ( <i>untuk calon-calon dari Sarawak dan Sabah sahaja</i> )	1 tahun	Sarawak

Seramai 1,250 orang pelajar baharu telah diambil, terdiri dari 441 di peringkat Bachelor, 754 di peringkat Diploma dan 43 di peringkat Pendahuluan. Seramai 12 orang pelajar untuk program Ijazah Lanjutan telah juga didaftarkan.

Jadual 1 memberikan taburan bilangan pelajar mengikut program dan jantina.

**Jadual 1**  
**TABURAN PELAJAR-PELAJAR MENGIKUT PROGRAM DAN JANTINA BAGI**  
**TAHUN AKADEMIK 1977-78**

Program	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Diploma Pertanian	332	41	373
Diploma Teknologi Rumahtangga	—	27	27
Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan	31	5	36
Diploma Perikanan	27	2	29
Diploma Perhutanan	35	9	44
Diploma Sains dengan Pendidikan	106	139	245
Pendahuluan	37	6	43
<b>JUMLAH</b>	<b>568</b>	<b>229</b>	<b>797</b>
Doktor Perubatan Veterinar	17	2	19
Bachelor Sains Pertanian	89	11	100
Bachelor Sains (Perhutanan)	22	1	23
Bachelor Sains (Perniagaantani)	52	26	78
Bachelor Sains (dengan Kepujian)	34	19	53
Bachelor Sains dengan Pendidikan (dengan Kepujian)			
Bachelor Kejuruteraan (Pertanian)	25	3	28
Bachelor Sains dan Teknologi Makanan	11	11	22
Bachelor Teknologi Rumahtangga	—	13	13
Bachelor Pendidikan (Sains Pertanian)	29	10	39
Bachelor Pendidikan (Teknologi Rumahtangga)	—	24	24
Bachelor Sains (Ekonomi Sumber)	30	4	34
Bachelor Sains (Alam Sekitar)	6	2	8
Ijazah Lanjutan	10	2	12
<b>JUMLAH</b>	<b>325</b>	<b>128</b>	<b>453</b>

Pada akhir tahun akademik 1977-78, seramai 514 orang telah menamatkan pengajian mereka pada peringkat Diploma, 211 pada peringkat Ijazah Pertama dan seorang pada peringkat Ijazah Lanjutan (Master Sains).

Jadual 2 menunjukkan taburan pelajar-pelajar yang telah menamatkan pengajian mereka pada akhir tahun akademik 1977-78.

Jadual 2

**TABURAN SISWAZAH MENGIKUT PROGRAM DAN JANTINA BAGI TAHUN AKADEMIK 1977-78**

Program	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Diploma Pertanian	246	47	293
Diploma Teknologi Rumahtangga	—	28	28
Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan	30	5	35
Diploma Perikanan	22	3	25
Diploma Sains dengan Pendidikan	77	56	133
Jumlah	375	139	514
Bachelor Sains Pertanian	72	17	89
Bachelor Sains (Perniagaantani)	71	16	87
Bachelor Sains (Perhutanan)	20	—	20
Doktor Perubatan Veterinar	12	2	14
Jumlah	175	35	210
Master Sains (M.S.)	—	1	1
Jumlah	—	1	1
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>550</b>	<b>175</b>	<b>725</b>



## Perkara-Perkara Akademik

Tahun akademik 1977-78 telah membawa pembangunan akademik yang menggalakkan khususnya bagi Fakulti Pertanian dan Fakulti Perkhidmatan Pendidikan dan amnya bagi Universiti sendiri. Pembangunan ini adalah berupa tiga program baru yang dimulakan pada tahun akademik ini, iaitu program Bachelor Sains (Teknologi Rumah-tangga) di bawah Fakulti Pertanian dan program-program Bachelor Pendidikan (Sains Pertanian) dan Bachelor Pendidikan (Teknologi Rumah-tangga) di bawah Fakulti Perkhidmatan Pendidikan.

Satu lagi perkembangan akademik yang perlu disebutkan di sini ialah buat pertama kalinya Universiti ini telah mengadakan program pengajian tanpa ijazah (non-graduating) bagi calon-calon yang berdaftar di Institusi Pengajian lain yang diiktiraf dan perlu mengikuti kursus-kursus tertentu yang ditawarkan di Universiti ini.

Dari segi penerbitan pula, Universiti telah menubuhkan Penerbit Universiti Pertanian Malaysia. Penubuhan Penerbit ini adalah di atas kesedaran bahawa dalam usaha Universiti menyebarkan dan memperkembangkan pengetahuan dalam bidang pertanian menerusi pengajaran, penyelidikan dan pengembangan, sokongan daripada aktiviti penerbitan adalah perlu. Dengan kesedaran tersebut, satu kertaskerja telah dimajukan kepada Majlis Universiti Pertanian Malaysia, mencadangkan penubuhan Penerbit Universiti Pertanian Malaysia untuk menyokong perjalanan tugas-tugas Universiti Pertanian dalam pengajaran, penyelidikan dan pengembangan.

Majlis Universiti Pertanian telah menimbangkan kertas-kerja berkenaan di mesyuaratnya yang ke 15 pada 9hb. Jun, 1977, dan meluluskan perkara-perkara berikut, iaitu:—

- (a) Universiti Pertanian Malaysia hendaklah menubuhkan badan penerbitnya sendiri yang dinamakan Penerbit Universiti Pertanian Malaysia (*Universiti Pertanian Malaysia Press*);
- (b) Sebagai matlamat akhir dari segi organisasinya, Penerbit Universiti Pertanian Malaysia hendaklah dibentuk sebagai sebuah jabatan yang tersendiri di Universiti dan diketuai oleh seorang pegawai profesional;
- (c) Penerbit Universiti Pertanian Malaysia hendaklah diberi peruntukan tahunan dari Universiti bagi membiayai belanja menguruskannya;
- (d) Sementara menunggu Penerbit Universiti Pertanian Malaysia ditubuhkan menurut matlamat pada perenggan (b) di atas, fungsi penerbitan Universiti hendaklah dikendalikan oleh suatu Jawatankuasa Penerbit yang dianggotai oleh Naib Canselor, sebagai Pengerusi, dan lima orang pegawai akademik yang dilantik oleh Naib Canselor, dengan perkhidmatan urusetianya disediakan oleh Perpustakaan.

Jawatankuasa Penerbit Universiti Pertanian Malaysia telah mengadakan mesyuarat pertamanya pada 19hb. November, 1977, di mana beberapa manuskrip telah dipertim-

bangkan untuk penerbitan. Hasil dari pertimbangan tersebut, dua buah manuskrip telah diterima; satu daripadanya adalah karya asal dan satu lagi ialah edisi semakan. Karya asal tersebut yang berjudul "*Introduction to Veterinary Microbiology*" oleh Prof. M.A. Soltys, sedang dalam proses penerbitan. Edisi semakan berkenaan ialah karya Prof. E.J.H. Corner berjudul "*Wayside Trees of Malaya*". Penerbitan edisi semakan ini adalah di peringkat perundingan dengan pihak yang berkenaan mengenai masalah hakcipta buku tersebut.

Sementara itu, Penerbit Universiti Pertanian Malaysia telah juga memulakan penerbitan sebuah jurnal berjudul *Pertanika* yang pertama kali dikeluarkan pada bulan Julai 1978. Jurnal tersebut mengandungi makalah-makalah asal, hasil dari penyelidikan para akademik dan penyelidik dari dalam dan luar Universiti Pertanian Malaysia. Pengeluarannya adalah dikendalikan oleh suatu Sidang Pengarang sebagai Jawatankuasa Kecil Penerbit Universiti Pertanian Malaysia. Keluaran keduanya ialah pada bulan Disember 1978.

Di samping penerbitan karya asal dan jurnal, Penerbit Universiti Pertanian Malaysia juga bercadang untuk mengadakan Rancangan Terjemahan buku-buku teks ke Bahasa Malaysia. Cadangan ini telahpun mendapat kelulusan Majlis Universiti Pertanian Malaysia dan sedang dalam proses pelaksanaan.

### **Pendaftaran Pelajar Di Kampus Serdang**

Seramai 2961 orang pelajar telah mendaftarkan diri pada Semester I dan 2751 orang pada Semester II untuk mengikuti berbagai program yang terdapat di Kampus Serdang.

Jadual 3 menunjukkan taburan pelajar-pelajar yang mendaftarkan diri di Kampus Serdang pada tahun akademik 1977-78.

### **Pendaftaran Pelajar di Kampus Cawangan Sarawak**

Di Kampus Cawangan Sarawak pula, seramai 250 orang pelajar telah mendaftarkan diri pada Semester I dan 242 orang pada Semester II bagi tahun akademik 1977-78.

Taburan pelajar yang mendaftarkan diri adalah seperti yang disenaraikan dalam Jadual 4.

### **Ijazah Lanjutan**

Di samping menawarkan program di peringkat Diploma dan Ijazah, Universiti Pertanian Malaysia juga menawarkan program Ijazah Lanjutan di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Bilangan pelajar-pelajar yang mendaftarkan diri untuk program Ijazah Lanjutan bagi tahun akademik 1977-78 dapat dilihat dari Jadual 5.



Jadual 3

TABURAN PELAJAR YANG MENDAFTAR PADA TAHUN AKADEMIK 1977-78 MENGIKUT PROGRAM DAN SEMESTER

FAKULTI	TAHUN PROGRAM		SEMESTER I						SEMESTER II					
			I	II	III	IV	V	J	I	II	III	IV	V	J
Ekonomi Sumber dan Perniagaantani	Ijazah	Perniagaantani	79	65	90	54	—	288	82	61	87	51	—	281
	Ijazah	Ekonomi Sumber	34	43	—	—	—	77	30	38	—	—	—	68
	Jumlah		113	108	90	54	—	365	112	99	87	51	—	349
Kedokteran Veterinar dan Sains Peternakan	Ijazah	Kedokteran Veterinar	18	19	19	24	14	94	17	14	18	24	14	87
	Diploma	Kesihatan Haiwan dan Peternakan	39	43	29	35	—	146	37	46	29	—	—	112
	Diploma	Perikanan	31	24	25	—	—	80	29	23	25	—	—	77
	Jumlah		88	86	73	59	14	320	83	83	72	24	14	276
Kejuruteraan Pertanian	Ijazah	Kejuruteraan Pertanian	33	14	23	—	—	70	27	12	23	—	—	62
	Jumlah		33	14	23	—	—	70	27	12	23	—	—	62

Jadual 3 (Sambungan)

FAKULTI	TAHUN PROGRAM		SEMESTER I						SEMESTER II					
			I	II	III	IV	V	J	I	II	III	IV	V	J
Perhutanan	Ijazah	Perhutanan	23	22	28	20	—	93	19	21	28	20	—	88
	Diploma	Perhutanan	—	37	—	—	—	37	—	34	—	—	—	34
	Jumlah		23	59	28	20	—	130	19	55	28	20	—	122
Perkhidmatan Pendidikan	Ijazah	Pendidikan (Sains Pertanian)	38	—	—	—	—	38	32	—	—	—	—	32
	Ijazah	Pendidikan (Tek. Rumahtangga)	24	—	—	—	—	24	20	—	—	—	—	20
	Jumlah		62	—	—	—	—	62	52	—	—	—	—	52
Pertanian	Ijazah	Pertanian	104	88	85	84	—	361	103	76	83	84	—	346
	Ijazah	Sains & Tek. Makanan	22	23	—	—	—	45	20	21	—	—	—	41
	Ijazah	Teknologi Rumahtangga	13	—	—	—	—	13	11	—	—	—	—	11
	Diploma	Pertanian	262	204	299	—	—	765	223	192	296	—	—	711
	Diploma	Teknologi Rumahtangga	27	22	26	—	—	75	25	22	28	—	—	75
	Jumlah		428	337	410	84	—	1259	382	311	407	84	—	1184
Sains dan Pengajian Alam Sekitar.	Ijazah	Sains/Sains dgn. Pendidikan	53	57	35	—	—	145	38	54	32	—	—	124
	Ijazah	Sains Pengajian Alam Sekitar	8	14	—	—	—	22	8	12	—	—	—	20
	Diploma	Sains dengan Pendidikan	251	198	139	—	—	588	233	194	135	—	—	562
	Jumlah		312	269	174	—	—	755	279	260	167	—	—	706
JUMLAH BESAR								2961						2751



Jadual 4

**TABURAN PELAJAR-PELAJAR MENGIKUT PROGRAM DAN SEMESTER BAGI TAHUN AKADEMIK 1977-78 (KAMPUS CAWANGAN SARAWAK)**

Program	Semester I				Semester II			
	I	II	III	J	I	II	III	J
Diploma Pertanian	115	48	—	163	111	46	—	157
Diploma Perhutanan	44	—	—	44	43	—	—	43
Pendahuluan	43	—	—	43	42	—	—	42
Jumlah	202	48	—	250	196	46	—	242

Jadual 5

**TABURAN PELAJAR-PELAJAR IJAZAH LANJUTAN MENGIKUTI PROGRAM DAN SEMESTER BAGI TAHUN AKADEMIK 1977-78**

Fakulti/Pusat	Semester I			Semester II		
	Ph.D.	M.S.	Jumlah	Ph.D.	M.S.	Jumlah
Kedoktoran Veterinar dan Sains Peternakan	—	—	—	2	1	3
Perkhidmatan Pendidikan	—	1	1	—	5	5
Pertanian	1	3	4	2	3	5
Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan	1	1	2	1	1	2
Jumlah	2	5	7	5	10	15

**Dasar Bahasa**

Universiti mengambil perhatian berat di atas pelaksanaan dasar Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Laporan tahunan dikemukakan kepada Senat dan Majlis Universiti mengenai kemajuan pelaksanaan dasar ini di tiap-tiap Fakulti/Pusat. Pada penghujung sesi 1977-78, lebih kurang 80% daripada pengajaran di peringkat Diploma telah dilaksana-

kan dalam Bahasa Malaysia. Universiti mempunyai keyakinan akan dapat melaksanakan dasar ini sepenuhnya pada tahun 1980.

Perlaksanaan dasar ini di peringkat Ijazah, walau bagaimanapun, belum dapat menyamai kemajuan yang dicapai di peringkat Diploma. Ini tidak menghairankan kerana masalah-masalah dasar memang wujud dan belum dapat diatasi. Masalah ini meliputi, antara lainnya:

- (a) kekurangan istilah-istilah Bahasa Malaysia yang boleh digunakan dalam bidang-bidang profesional yang terdapat di Universiti ini;
- (b) kekurangan buku-buku teks dan bahan rojokan lain dalam Bahasa Malaysia;
- (c) beberapa Fakulti masih bergantung kepada bantuan luar negeri untuk memenuhi keperluan tenaga pengajar yang berpengalaman dan mereka ini biasanya menyampaikan kuliah dalam Bahasa Inggeris.

Sungguhpun demikian, persiapan pesat terus dijalankan agar perlaksanaan sepenuhnya tercapai menjelang tahun 1983.

Antara langkah-langkah persediaan yang diambil oleh Universiti ialah:—

- (a) Semua pelajar (Ijazah dan Diploma) diwajibkan mengambil sekurang-kurangnya dua kredit kursus Bahasa Malaysia;
- (b) Jabatan Bahasa menyediakan kursus-kursus khas untuk membolehkan pelajar-pelajar menggunakan Bahasa Malaysia dengan betul dan kemas sesuai dengan bidang pengajian masing-masing. Kursus-kursus ini juga membantu para pensyarah dalam bidang yang berkenaan melengkapkan diri mereka untuk memberi kuliah dalam Bahasa Malaysia;
- (c) Kursus Bahasa Malaysia khas untuk pegawai akademik juga diadakan bagi mereka yang ingin mempelajarinya.

Walaupun bagaimanapun, di samping melaksanakan dasar bahasa ini, Universiti juga tidak lupa mengawasi kelemahan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Unit Bahasa Inggeris, dalam Jabatan Bahasa, telah diminta membuat kajian yang teliti mengenai perkara ini dan mengemukakan langkah-langkah yang patut diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut.

### **Fakulti/Pusat**

Sebanyak 7 buah fakulti dan sebuah pusat terdapat di Universiti Pertanian Malaysia pada tahun akademik 1977-78. Fakulti-fakulti/Pusat tersebut ialah: Ekonomi Sumber dan Perniagaantani, Kedokteran Veterinar dan Sains Peternakan, Kejuruteraan Pertanian, Perhutanan, Perkhidmatan Pendidikan, Pertanian, Sains dan Pengajian Alam Sekitar dan Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan.

Jadual 6 menunjukkan program-program pengajian yang dikendalikan oleh fakulti-fakulti/pusat dan bilangan pelajar yang mengikuti program-program tersebut.



Jadual 6

**BILANGAN PENGAJAR, PROGRAM PENGAJIAN DAN PELAJAR MENGIKUT FAKULTI/PUSAT DAN SEMESTER BAGI TAHUN AKADEMIK 1977-78**

**Semester I**

Fakulti/Pusat	Jumlah Pengajar	Program Pengajian					Bilangan Pelajar				
		Ph.D.	M.S.	Bachelor	Dip.	Jumlah	Ph.D.	M.S.	Bachelor	Dip.	Jumlah
Ekonomi Sumber dan Perniagaantani	33	—	—	2	—	2	—	—	365	—	365
Kedokteran Veterinar & Sains Peternakan	52	—	—	1	2	3	—	—	94	226	320
Kejuruteraan Pertanian	18	—	—	1	—	1	—	—	70	—	70
Perhutanan	16	—	—	1	1	2	—	—	93	81	174
Perkhidmatan Pendidikan	39	—	1	2	—	3	—	1	62	—	63
Pertanian	74	1	1	3	2	7	1	3	419	1003	1426
Sains & Pengajian Alam Sekitar	104	—	—	3	1	4	—	—	167	588	755
Pusat Pengembangan & Pendidikan Lanjutan	19	1	1	—	—	2	1	1	—	—	2
<b>JUMLAH</b>	<b>355</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>13</b>	<b>6</b>	<b>24</b>	<b>2</b>	<b>5</b>	<b>1270</b>	<b>1898</b>	<b>3175</b>

(Perangkaan-perangkaan di atas tidak meliputi 43 orang pelajar program Pendahuluan)

Jadual 6 (Sambungan)

Semester II

Fakulti/Pusat	Jumlah Pengajar	Bilangan Program					Bilangan Pelajar				
		Ph.D.	M.S.	Bachelor	Dip.	Jumlah	Ph.D.	M.S.	Bachelor	Dip.	Jumlah
Ekonomi Sumber dan Perniagaantani.	36	—	—	2	—	2	—	—	349	—	349
Kedokteran Veterinar dan Sains Peternakan	60	1	1	1	2	5	2	1	87	189	279
Kejuruteraan Pertanian	21	—	—	1	—	1	—	—	62	—	62
Perhutanan	19	—	—	1	1	2	—	—	88	77	165
Perkhidmatan Pendidikan Pertanian	43	—	2	2	—	4	—	5	52	—	57
Sains dan Pengajian Alam Sekitar	81	2	1	3	2	8	2	3	398	943	1346
Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan	19	1	1	—	—	2	1	1	—	—	2
<b>JUMLAH</b>	<b>400</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>13</b>	<b>6</b>	<b>28</b>	<b>5</b>	<b>10</b>	<b>1180</b>	<b>1771</b>	<b>2966</b>

(Perangkaan-perangkaan di atas tidak meliputi 42 orang pelajar program Pendahuluan)



## Pemeriksa/Penilai Luar dan Pesekutu Akademik

Universiti telah melantik tujuh orang Pemeriksa/Penilai Luar bagi program-program ijazah pertama dan dua orang Pemeriksa Luar bagi calon-calon ijazah lanjutan (Master Sains).

Universiti telah juga melantik empat puluh enam Pesekutu Akademik bagi Fakulti-fakulti yang memerlukannya. Sistem Pesekutu Akademik ini adalah satu ciri keistimewaan Universiti Pertanian Malaysia di mana orang perseorangan, firma, yayasan, jabatan Kerajaan atau pertubuhan lain boleh dilantik sebagai Pesekutu Akademik untuk mengiktiraf sumbangan mereka dalam bidang pengajaran atau penyelidikan Universiti. Sistem ini telah menghasilkan kesan yang baik khususnya dalam konteks menjayakan latihan amali pelajar.

Jadual 7 menunjukkan taburan Pemeriksa/Penilai Luar dan Pesekutu Akademik bagi Fakulti/Pusat di Universiti Pertanian Malaysia.

Jadual 7

### TABURAN PEMERIKSA/PENILAI LUAR DAN PESEKUTU AKADEMIK MENGIKUT FAKULTI/PUSAT BAGI TAHUN AKADEMIK 1977-78

Fakulti/Pusat	Bil. Pemeriksa/ Penilai Luar	Bil. Pesekutu Akademik
Ekonomi Sumber dan Perniagaantani	1	11
Kedokteran Veterinar & Sains Peternakan	4	14
Perhutanan	1	—
Perkhidmatan Pendidikan	1	21
Pertanian	1	—
Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan	1	—
<b>JUMLAH</b>	<b>9</b>	<b>46</b>

## Hal Ehwal Pelajar

Program-program yang dijalankan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar adalah meliputi beberapa bidang seperti:—

- (a) Program Orientasi
- (b) Program Kaunseling & Kerjaya

- (c) Perkhidmatan Kesihatan
- (d) Kegiatan Sukan dan Olahraga
- (e) Kegiatan Kebudayaan
- (f) Hal Ehwal Kebajikan Pelajar

Program-program tersebut telah dapat mengatasi beberapa masalah yang dihadapi oleh mahasiswa khususnya dari aspek emosi, peribadi, sosial, psikologi dan akademik. Pada hujung tiap-tiap semester pula Unit Kaunseling dan Kerjaya biasanya mengadakan ceramah-ceramah mengenai peluang-peluang pekerjaan yang meliputi pelbagai sektor termasuk Jabatan-jabatan Kerajaan dan Swasta.

Minggu Orientasi yang dijalankan adalah penting bagi menyesuaikan pelajar-pelajar baru dengan keadaan kehidupan di kampus. Program tersebut dikendalikan dengan kerjasama ahli-ahli Majlis Perwakilan Pelajar dan pelajar-pelajar "senior" dan dijalankan dari 30hb. Mei hingga 5hb. Jun. Tema bagi Minggu Orientasi ialah "Berakhlak, Berilmu dan Berjasa".

Kegiatan kebudayaan telah berjalan dengan rancak pada sesi 1977-78. Mahasiswa-mahasiswa yang terlibat dalam keseluruhan aktiviti kebudayaan biasanya bertugas sebagai pembantu-pembantu kepada jawatankuasa kecil yang bertanggungjawab mengenai pelaksanaannya. Pertandingan nyanyian di antara Fakulti yang diadakan telah mendapat sambutan yang menggalakkan.

Universiti Pertanian Malaysia telah bernasib baik kerana dapat menyaksikan persembahan rombongan Kesenian Universitas Andalas Indonesia. Rombongan Teater Keliling Indonesia juga telah membuat lawatan yang sama diikuti pula oleh persembahan Pentas Bergerak Felda. Melihatkan perkembangan yang positif berdasarkan kepada kunjungan-kunjungan rombongan dari luar dan dalam negeri, besar kemungkinan aktiviti-aktiviti kebudayaan akan bertambah pada tahun-tahun akan datang.

Kegiatan keagamaan, khasnya Islam, telah berjalan dengan lancarnya. Ini ialah di atas usaha yang dikendalikan bersama dengan pihak luar. Kelas Fardhu Ain, Ceramah Mingguan, Risalah-risalah Kecil Agama juga telah diadakan dan ini diharapkan dapat menyedarkan pelajar-pelajar Islam supaya beriman kepada Allah.

### **Kegiatan Pelajar**

Kegiatan pelajar pada umumnya adalah dikendalikan dengan usaha Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Setakat ini terdapat 15 buah persatuan pelajar yang merangkumi Persatuan-persatuan Keagamaan, Seni Mempertahankan Diri dan Persatuan-persatuan di Fakulti.

Seksyen 48 Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975 mewajibkan tiap-tiap mahasiswa yang berdaftar menjadi ahli Persatuan Mahasiswa Universiti Pertanian Malaysia. Wakil-wakil dalam Majlis Perwakilan Pelajar-pelajar (MPP) adalah dipilih oleh pelajar-pelajar sendiri melalui undi rahsia yang dikelolakan oleh Pendaftar dan Dekan-dekan Fakulti dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar.



Pilihanraya bagi melantik seramai 20 orang anggota MPP telah diadakan pada 1hb. Julai, 1977. MPP juga telah menjalankan beberapa kegiatan seperti mengadakan penerangan di sekolah-sekolah di Malaysia Barat, Kursus Kewartawanan, Majlis Dailog, sukan dan beberapa kegiatan lain yang memberi menafaat kepada mahasiswa-mahasiswa amnya.

### **Perhubungan dan Kerjasama Luar**

Semenjak tertubuhnya Universiti Pertanian Malaysia pada tahun 1971, perkembangan yang pesat amat dirasakan sekali. Ini adalah sejajar dengan pesatnya perkembangan sektor pertanian di negara ini.

Bantuan luar juga memainkan peranan yang penting ke arah kemajuan Universiti ini. Bantuan dalam bentuk kerjasama dari kerajaan Malaysia dan kerajaan luar negeri dan juga di antara universiti dengan universiti yang merangkumi berbagai bidang seperti lawatan-lawatan pakar dan penasihat, pinjaman, 'fellowship', bantuan alat-alat kelengkapan, bahan-bahan bacaan untuk perpustakaan dan pelbagai bantuan lain telah menyumbangkan ke arah perkembangan universiti amnya.

Bagi menjamin mutu pendidikan dan penyelidikan, kerjasama yang rapat telah dijalin dengan beberapa buah universiti luar negeri. Dengan kerjasama ini dapatlah Universiti Pertanian Malaysia mengikuti kemajuan yang dicapai di peringkat antarabangsa.

Rancangan 'fellowship' pula telah dapat membantu kekurangan tenaga-tenaga akademik di dalam beberapa bidang tertentu. Perkhidmatan ini disalurkan melalui beberapa rancangan seperti Inter-University Council, MACEE, Australian-Asian Universities Cooperation Scheme, Bantuan Kerajaan Belgium dan lain-lain lagi.

### **Perjawatan**

Universiti Pertanian Malaysia ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana telah meluluskan jawatan-jawatan baru untuk Universiti ini bagi tahun 1978. Jumlah jawatan dalam tahun 1977 ialah 1790 dan dalam tahun 1978 jumlah jawatan ialah 2,270. Ini bermakna tambahan sebanyak 480 jawatan baru. Pengisian jawatan-jawatan kosong untuk semua kategori dijalankan dari masa ke semasa.

Dalam mengisi jawatan-jawatan akademik yang tertentu pihak Universiti menghadapi beberapa masalah disebabkan kekurangan tenaga manusia dari golongan orang-orang tempatan yang berkelayakan. Untuk mengatasinya, Universiti ini telah melantik pegawai-pegawai asing berkhidmat secara kontrak untuk jangka masa 2 hingga 3 tahun. Dalam tahun 1978, seramai 9 orang pegawai kontrak telah dilantik.

Untuk memastikan tenaga akademik Universiti ini benar-benar berkelayakan, ramai pegawai dan bakal tenaga pengajar dihantar ke luar negeri untuk mengikuti kursus lanjutan dalam bidang-bidang tertentu. Seramai 39 orang tenaga pengajar/bakal tenaga

pengajar telah dihantar ke luar negeri dalam tahun 1978, di bawah Rancangan Latihan Kakitangan.

Universiti juga menganjurkan beberapa kursus latihan untuk pegawai-pegawai rendah dalam peringkat perkeranian dan teknikal. Tujuan kursus ini ialah untuk menambah kemahiran dan daya pengeluaran kerja pegawai-pegawai Universiti keseluruhannya.

Jadual 8 menunjukkan pecahan pegawai-pegawai mengikut kategori masing-masing.

**Jadual 8**

**TABURAN PEGAWAI-PEGAWAI MENGIKUT KATEGORI BAGI TAHUN  
AKADEMIK 1977-78**

Tahun	Kumpulan A	Kumpulan B	Kumpulan C	Kumpulan D	Jumlah
1977	519	38	385	848	1790
1978	650	66	480	1074	2270



## FAKULTI PERTANIAN

Dekan: Profesor Mohd Zain bin Haji Abdul Karim, M. Agr. Sc. (N.Z.), Ph.D. (Cornell)

### Pendahuluan

Bagi Fakulti Pertanian, tahun akademik 1977-78 adalah satu tahun istimewa kerana kumpulan pertama program Bachelor Sains Pertanian telah menamatkan pengajian mereka. Tujuh puluh orang graduan dari Fakulti ini yang telah mengikuti program tersebut menerima ijazah mereka di hari Konvokesyen pada 30hb. Julai, 1977.

Dalam tahun akademik ini juga terbentuknya idea yang konkrit berkaitan dengan bangunan baru untuk Fakulti.

Rancangan kerjasama saintifik di antara Fakulti Pertanian dengan Ghent University di bawah kelolaan Kerajaan Malaysia-Belgium dalam bidang sains tanah mula berkembang. Selain dari penyelidikan dalam jurusan ilmu fizik tanah (*soil physics*), mulai dari tahun ini penyelidikan juga dijalankan dalam bidang-bidang mineralogi tanah liat (*clay mineralogy*), radiokimia tanah (*soil radiochemistry*) dan kesuburan tanah (*soil fertility*).

### Kakitangan

Pada akhir tahun akademik 1977-78, jumlah pegawai-pegawai akademik dalam Fakulti ialah 78 orang. Ini terdiri dari 27 orang dalam Jabatan Agronomi dan Kulturakebunan, 14 orang di Jabatan Perlindungan Tumbuhan, 18 orang di Jabatan Sains Tanah, 8 orang di Jabatan Sains dan Teknologi Makanan dan 11 orang di Jabatan Teknologi Rumahtangga. Dari jumlah 78 orang ini, 6 orang merupakan perlantikan baru.

Dalam tahun ini juga 6 orang mendapat cuti belajar ke seberang laut dan 4 orang ditugaskan di Kampus Cawangan Sarawak.

### Perkara-perkara akademik

Tiada kursus atau program baru yang dimulakan dalam tahun ini. Program-program lama yang dijalankan ialah program-program Bachelor Sains Pertanian, Bachelor Sains dan Teknologi Makanan dan Diploma-diploma Pertanian dan Teknologi Rumahtangga.

Lima orang calon ijazah lanjutan telah mendaftarkan diri di Fakulti ini. Senarai nama dan penyelidikan yang dijalankan adalah seperti berikut:—

1. Khelikuzaman Meera Hussein: Plant Population studies using two planting methods with three varieties of cassava (*Manihot esculenta* Crantz).
2. Tan Swee Lian: A study on morpho-physiological traits in relation to yield in cassava (*Manihot esculenta* Crantz).
3. Mohd. Ismail Abdullah: The effect of freezing and frozen storage on the quality of Malaysian fish.

4. Yeoh Chong Hoe: Competitive and allelopathic effects of *Imperata cylindrica* on some selected crop species.
5. Hor Yue Luan: Storage of cocoa (*Theobroma cacao* L.), seed and changes associated with its deterioration.

Untuk membantu Fakulti menjalankan aktiviti kerja luar kampus yang dijalankan oleh mahasiswa program ijazah, Pesekutu-pesekutu Akademik dari beberapa firma dan organisasi telah dilantik. Mereka terdiri dari:—

1. Encik G.C. McGulloch dari Barlow Boustead Estates Agency Sendirian Berhad;
2. Encik Abdul Aziz Alias dari Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA);
3. Encik A. Jalal Basimi dari Perbadanan Kemajuan Negeri Johor;
4. Encik Edward Chan dan Encik Mohd. Jamzani Wasi dari United Plantations Berhad;
5. Encik Chew Beng Hian dari Shell Malaysia Ltd;
6. Encik Chye Kooi Onn dari Kumpulan FIMA Berhad;
7. Encik R.K. Jones dari Plantation Agencies Sdn. Bhd.;
8. Cik Juanita Mohd. Khir dari Kumpulan Guthrie Sdn. Bhd.;
9. Encik Mohd. Dahlan Kassim dari Kumpulan Ladang-ladang Trengganu Sdn. Bhd.;
10. Encik Yeap Kuo Sheng dari Perlis Plantations Berhad.

Bagi mengekalkan mutu pengajaran dalam kursus ijazah, pemeriksa luar juga dilantik. Pada sesi 1977-78 ini, pemeriksa luar yang dilantik ialah Profesor T.W. Walker dari Lincoln College, University of Canterbury, New Zealand.

#### **Pelawat Fakulti**

1. Pada 21hb. Jun, 1977 Fakulti Pertanian telah menerima dua orang pelawat dari National Agricultural College, Deventer, Netherlands, iaitu Dr. I.M. Said dan Dr. D.A. Kraayenga.
2. Prof. F.D. Morgan, daripada Waite Agricultural Institute telah berada di Fakulti ini selama 3 minggu untuk meneliti dan menasihati Jabatan Perlindungan Tumbuhan dalam kursus-kursus yang diajar oleh Jabatan ini. Lawatan yang telah dilakukan di antara 18hb. Jun hingga 9hb. Julai, 1977 adalah di bawah rancangan Australian-Asian Universities Co-operation Scheme.
3. Seorang penasihat bagi Makmal Fizik Tanah, Jabatan Sains Tanah telah didatangkan khas di bawah bantuan Kerjasama Teknikal Kerajaan Belgium-Malaysia. Beliau berada di sini dari 15hb. Julai hingga 24hb. Julai, 1977.



Semasa di sini, Dr. Ir. R. Hartman telah di tugaskan untuk menilai kemajuan-kemajuan yang telah dicapai dalam penyelidikan-penyelidikan fizik tanah.

4. Deputy Chief de Cabinet dan Head of Programme Section for Asia, Co-operation for Development Belgium telah melawat makmal fizik tanah Fakulti ini pada 14hb. Oktober, 1977.
5. Seramai 44 orang wanita dari Persatuan Wanita, Rancangan FELDA Air Tawar 1 telah melawat Dusun Contoh pada 12hb. Disember, 1977.
6. Seorang Profesor dari University of Western Australia telah berada di sini mulai 16hb. Januari hingga 16hb. Februari, 1978. Profesor H. Greenway, yang berada di sini di bawah anjuran Rancangan Australian-Asian Universities Co-operation Scheme telah memberi beberapa syarahan untuk kursus Crop Physiology kepada siswa-siswi Ijazah Pertanian 11.
7. Pegawai-pegawai di Jabatan Sains dan Teknologi Makanan telah mendapat nasihat dan pandangan mengenai kursus-kursus yang diajar oleh Jabatan ini terutama sekali dalam program Ijazah Sains dan Teknologi Makanan. Penasihat tersebut ialah Profesor R.A. Lawrie dari University of Nottingham yang telah berada di sini mulai 15hb. Januari hingga 5hb. Februari, 1978.
8. Seorang lagi pensyarah dalam bidang Crop Physiology iaitu Dr. T.F. Neales daripada University of Melbourne telah dihantar di bawah Rancangan Australian-Asian Universities Co-operation Scheme untuk memberi syarahan-syarahan dalam topik-topik tertentu untuk kursus Crop physiology. Beliau berada di sini selama sebulan mulai 28hb. Januari, 1978.
9. Pada 1hb. Februari, 1978 Fakulti Pertanian menerima lawatan Profesor J.R. McWilliam, seorang Profesor dalam bidang Agronomi dari University of New England.
10. Profesor J.G. Hawkes, seorang Profesor dan Ketua Jabatan Botany, University of Birmingham telah melawat Fakulti Pertanian pada 28hb. Februari, 1978.
11. Dr. Chin Hoong Fong telah menemui seorang perunding FAO, iaitu Encik Quat Ng dan berbincang mengenai "seed conservation facilities" pada 7hb. April, 1978.

#### **Persidangan yang Diadakan**

1. Persidangan Makanan dan Pertanian – Malaysia 2000. 25hb. – 29hb. Julai, 1977.

#### **Penyelidikan dan Penerbitan Fakulti:**

Di bawah ini disenaraikan nama pensyarah-pensyarah dan penerbitan/kertas kerja mereka untuk tahun akademik 1977-78.

1. Abdul Ghani Ibrahim (1977). Increased production of leguminous cross



- through control of bean-fly. In Food and Agriculture – Malaysia 2000. Serdang 27hb. – 29hb. Julai, 1977.
2. Abdul Ghani Ibrahim (1977). The susceptibility of 18 chrysanthemum cultivars and *Phytomyza syngenesiae* (Hardy). Plant Pathology vol. 26 No. 3, 1977. pp 103 – 108.
  3. Abdul Ghani Ibrahim (1978). Chemical controls of bean-fly. Plant Protection Conf. Kuala Lumpur 22 – 25 March, 1978.
  4. Abd. Rahman Razak (1978). Variation in plant response, gall size and form induced by *Meloidogyne* on some Malaysia crop spp. Second Asian Regional Conf. on Root Knot Nematodes. Bangkok 13 – 17 February, 1978.
  5. Abdul H. Halim, Cyde E. Wasseom, and Howard L. Mitchell. The relationships of protein, lysine and trypsin inhibitors of several strains of maize (*Zeamays L.*) and the properties of the inhibitors. Conference on Food and Agriculture – Malaysia 2000. Kuala Lumpur 27 – 29 Julai, 1977.
  6. Asiah Mohd. Zain (1978). Acceptability of Malaysian Fishery Products. Symposium on Fish Utilization Technology and Marketing. Manila 8 – 11 Mac, 1978.
  7. Berry, Shiv Kumar: (1977). Effect of flavour on food acceptability. Conference on Food and Agriculture – Malaysia 2000. Serdang 27 – 29 Julai, 1977.
  8. Berry, Shiv Kumar (1978). Flavour development in meat analogues. Symposium on Meat Processing Industry of Malaysia. Kuala Lumpur 10 – 12 Mac, 1978.
  9. Chin H.F. (1977). Malaysian Flowers in Colour. Tropical Press Malaysia. pp. 184.
  10. Chin H.F., Enoch, I.C. & R.M. Raja Harun (1977). Seed Technology in the Tropics. Universiti Pertanian Malaysia.
  11. Chin H.F. & Othman Yaacob (1977). Short-term storage of different quality mungbean seeds. First International Symposium on Mungbean. Los Banos 16 – 19 Aug. 1977.
  12. Chin H.F. (1977). Production and storage of recitrant seeds in the tropics. International Society for Horticultural Science Symposium, Nott. Univ. 26 – 30 September, 1977.
  13. Ching G.C. (1977). Processing of Malaysian Fruits – Present and Future trends. In Food and Agriculture – Malaysia 2000. Serdang 27 – 29 July, 1977.
  14. Countreras M.R., Gact D.L., Muchina S.C., Nor Khalid M., Peurs, F.B. and Rodriguez M.S. (1977). An interdisciplinary approach to international agricultural training: The Cornell-CIMMYT Graduate Student Team Report. Cornell International Agriculture Mimeography 59. Program in International Agriculture, Cornell University, Ithaca, New York.



15. Graham K.M., H. Tan, K.Y. Chong, T.C. Yap and S.Vythilingam (1977). Breeding tomatoes for lowlands of Malaysia. Mal. App. Bio. Res. Pub. No. 1. 34pp.
16. Huang, S.L. (1977). The family and family life education. Responsible Parenthood Seminar, Kuala Lumpur 5 Nov. 1977.
17. Hussein M.Y. (1977). Integrated pest management. Future strategy in the control of insect pests of fruits trees in Malaysia. In Food and Agriculture – Malaysia 2000. Serdang 25 – 27 July, 1977.
18. Hussein, M.Y. (1977). Seed treatment and foliar spray to control bean fly, *Ophiomyia phaseoli*. M. Agric. J.
19. Ibrahim Haji Ahmad (1977). Utilization of soyabean milk in production of Tairu. GIAM V SIFF Conference, Bangkok.
20. Khor G.L. (1977). Mushroom mycelin as a protein supplement. In Food and Agriculture – Malaysia 2000. Serdang 27 – 29 July, 1977.
21. Khor G.L. (1977). Utilisation of some agriculture and industrial wastes for the cultivation of straw-mushroom, *Volvariella volvacea*. In Abstr. Symp. Global Impacts on applied microbiology V, Bangkok.
22. Maene, L.M., C.L. Connor and Othman Yaacob. Food production on tin tailing in the Sri Kembangan-Balakong area, Malaysia. In Food and Agriculture – Malaysia 2000. Serdang 25 – 29 July, 1977.
23. Othman Yaacob, Khanif Yusof and Mohd. Mokhtaruddin Ab. Manan (1977). Rainfall pattern and food crop production on old rubber soils at Serdang, Malaysia. In Food and Agriculture – Malaysia 2000. Serdang 27 – 29 July, 1977.
24. Mohd. Salleh Ismail (1977). Accelerated fermentation of fish sauce using a eryzal – NRRL 1989 and fresh water fish. In Food and Agriculture – Malaysia 2000. Serdang 27 – 29 July, 1977.
25. Mohd. Salleh Ismail (1977). Micro-organisms and the Malaysian fermented proteinaceous food. Seminar Malaysian Microb. Soc.
26. Mohd. Salleh Ismail (1978). Utilization of tilapia, a fresh water. fish. Symposium on fish utilization technology and marketing. Manila 8 – 11 March, 1978.
27. Mohd. Salleh Ismail (1978). Food Technology in Rural Development. Regional Conf. for Rural Development Kuala Lumpur April, 1978.
28. Mohd. Zain Karim & Abdul Halim Hassan (1977). Training of Manpower for Social and Economic Development of Malaysia. 5th Southeast Asian Seminar on Agricultural Education, Tokyo, Japan 10 – 16 December, 1977.
29. Nor, Khalid M. and Foster B. Carly (1978). Methodology for Identifying wide adaptability in crops. March 1978 (Bll-642 – M) Cornell University, Ithaca, New York.
30. Rajan A. (1977). Socio-economic aspects of weed management. 5th Biotrop

- Weed Science Training Course, Kuala Lumpur 14 November, – 23 December, 1977.
31. Rajan A. (1977). Weed control and special problems in selected food crops. 5th Biotrop Weed Science Training Course, Kuala Lumpur 14 November, – 23 December, 1977.
  32. Rajan A. (1977). Weed science education, 5th Biotrop Weed Science Training Course, Kuala Lumpur 14 November, – 23 December, 1977.
  33. Salleh Kadzimin (1977). Ecophysiology of Pineapple. In *Ecophysiology of Tropical Crops*. Academic Press. pp. 113 – 156.
  34. Sistrunk, W.A. and M. Ismail Karim (1977). Disposal of lyepeeling wastes from sweet potatoes by fermentation for livestock feed. *Arkansas Farm Res.* 26(1): 8.
  25. Stern, W.R., T.N. Khan and Mohd. Zain Karim (1977). Some implications for university education of current trends in Malaysian agriculture. *Food and Agric. – Malaysia 2000*. Serdang, 25 – 27 July, 1977.
  36. Varghese, G., Thambirajah, J.J. & Wong K.M. (1977). Protein enrichment of cassava by fermentation with microfungi and role of natural nitrogenous supplements. *Proc. Fourth Symp., Inst. Soc. Trop Root Crops*. Cali, Columbia 1976. (Cock *et al* pp. 250 – 255)
  37. Varghese, G. (1977). Microfungi from Malaysian soils. *Persatuan Mikrobiologi Malaysia Seminar*. Kuala Lumpur 22 Oktober, 1977.
  38. Varghese, G. & Lim W.H. (1978). Pathogenic potential of *Fusarium* species isolated from Malaysian soils. *Malaysian Plant Protection Conf.* Kuala Lumpur 22 – 25 March, 1978.
  39. Wan Zainun Wan Nik (1977). Studies of seed-borne fungi of tropical pasture legume species. *Aust. J. Agric. Res.* 1977. 28: 821 – 841.
  40. Wong K.C. and Kalpage, F.S.C.P. (1977). Intercropping maize with soybean. *Mal. Applied Bio. Res.* .
  41. Wong K.C. (1978). Uses and current status of winged bean research in Malaysia. *International Winged Bean Public Forum*, Manila, Philippines, Jan. 1978.
  42. Yap T.C. and Abdul Halim Hassan (1977). Plant breeding and seed production. *Seed Technology in the Tropics*.
  43. Yap, T.C. (1977). Plant Breeding in Malaysia. Development, progress and future prospects. In *Food and Agriculture – Malaysia 2000*. Serdang 27 – 29 July, 1977.
  44. Yu S.Y. and Ch'ng G.C. (1977). Potential utilization of by-products from the fruit. In *Devendra et al* Ed. *Proc. Livestock and Feeding Stuff Industries*.
  45. Yu S.Y. and Ch'ng G.C. (1978). Soybean Foods in Malaysia. *International Soya Protein Food Conf.* Singapore 25 – 27 Jan. 1978.



46. Yu S.Y. (1978). The analysis of meat and non-meat protein in meat products. Symposium on the Meat Processing Industry in Malaysia. Kuala Lumpur 10 – 12 March, 1978.
47. Yu S.Y. and Seow C.L. (1978). Status of Malaysian intermediate moisture meat (sambal daging) – a preliminary study. Symposium on the Meat Processing Industry in Malaysia. Kuala Lumpur 10 – 12 March, 1978.
48. Othman Yaacob, Mohd. Noor Ismail, Awaluddin Hji. Talib (1978) Observations on growth and early production of some durian (*Durio ribethinus murr*) clones on the Universiti Pertanian Malaysia orchard, *Pertanika 1* (2): 70 – 88.

## FAKULTI PERHUTANAN

Dekan: Profesor Abdul Manap bin Ahmad, B.Sc. (Adel.), B.Sc. (For) Dip. For (A.N.U.), Ph.D (Edin.) – sehingga 31hb. Disember, 1977.

Yusoff bin Hadi, B.Sc. (Bio.) (Hawaii), M.F.S. (Yale) – mulai 1hb. Januari, 1978.

### Pendahuluan

Pada tahun pengajian 1977-78 Fakulti Perhutanan telah menjadi tuan rumah bagi Simposium Serantau berkenaan “Tumbuhan Bakau dan Muara di Asia Tenggara”. Simposium yang telah diadakan pada 25hb. – 28hb. April, 1978, bertujuan mengumpulkan maklumat-maklumat tentang berbagai-bagai aspek tumbuhan bakau dan muara di rantau ini dan memberi peluang kepada penyelidik-penyelidik, rimbawan-rimbawan dan pakar-pakar yang berkaitan dengan bidang ini bertukar pendapat dan pengalaman. Sebanyak 18 kertaskerja telah dibentangkan dan peserta-peserta yang hadir terdiri dari wakil-wakil dari Filipina, Indonesia, Negeri Thai, Singapura dan Malaysia. Simposium ini dianjurkan bersama oleh BIOTROP.

Eddie Chiew Fook Chong	—	A Study of Market Gardening in the Suburbs of Kuala Lumpur.
Mohd. Abdul Rahman	—	The Present Status of Small Scale Fisheries in Malaysia: A Study in Trengganu.
Cheam Soon Tee	—	Analysis of Household Food Consumption Patterns in Peninsular Malaysia.
Dr. Mohamed Yusoff	—	Feasibility Study of Oil Palm in Bau, Lundu, Sarawak.

## FAKULTI KEJURUTERAAN PERTANIAN

Dekan: Choa Swee Lin, Dip. Agric. (Malaya), B.S. Cumlaude (L.S.U.), M.S.(U.C. Davis), MIEM, AMASAE, P.Eng.

### Pendahuluan

Mesyuarat kedua Lembaga Penasihat Fakulti Kejuruteraan Pertanian telah diadakan pada 13hb. April, 1978 di Bilik Mesyuarat Fakulti ini. Antara perkara-perkara penting yang telah dibincangkan dalam mesyuarat tersebut ialah penilaian kurikulum program Bachelo Kejuruteraan (Pertanian) termasuklah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk melaksanakan syor-syor Jawatankuasa Ad Hoc Kerajaan bagi tujuan pengiktirafan program tersebut oleh pihak Kerajaan serta Institusi Jurutera Malaysia.

Serentak dengan mesyuarat kedua Lembaga Penasihat Fakulti ini, satu peristiwa penting bagi tahun akademik 1977-78 ialah pengumuman penubuhan satu hubungan atau "link" di antara Fakulti ini dengan Fakulti Kejuruteraan Pertanian di Cranfield Institute of Technology, United Kingdom. "Link" yang mempunyai jangka masa selama 5 tahun ini meliputi beberapa aktiviti (yang bertujuan memberi sumbangan positif kepada perkembangan Fakulti ini) seperti berikut:—

- (a) Siswazah Kejuruteraan Pertanian Fakulti ini boleh mengikuti kursus ijazah lanjutan di Cranfield Institute of Technology tanpa keperluan menduduki sebarang peperiksaan khas.
- (b) Pertukaran pelajar serta pegawai antara kedua-dua fakulti.
- (c) Pertukaran pendapat mengenai perkembangan-perkembangan terbaharu di bidang Kejuruteraan Pertanian.
- (d) Universiti Pertanian Malaysia akan diberi bimbingan serta nasihat mengenai kaedah-kaedah terbaik untuk menentukan yang ianya mengikuti kursus pengajian yang paling sesuai pada keperluan negara ini.

### Kakitangan

Bilangan kakitangan Fakulti adalah seramai 74 orang terdiri dari 20 orang pegawai akademik, 36 orang pegawai teknik dan 18 orang pegawai am.

Seramai 20 orang pegawai baru telah dilantik dalam tahun akademik 1977-78.

Selain dari itu, seorang pembantu makmal dilantik untuk memangku jawatan Pembantu Kanan Makmal dan seorang pensyarah dilantik sebagai Pemangku Ketua Jabatan.

Seramai 5 orang pegawai akademik telah cuti belajar untuk mendapatkan Ijazah Lanjutan peringkat Masters dan Ph.D.



## **Perkara-perkara Akademik**

Kursus Engineering Hydrology AE 338 (2 kredit) telah di tawarkan buat pertama kalinya.

Kursus-kursus Fluid Mechanics I, II dan Fluid Mechanics Lab telah disatukan menjadi kursus Fluid Mechanics AE 399 bernilai 4 kredit. Bagitu juga kursus Thermodynamics I dan II, disatukan menjadi kursus Thermodynamics bernilai 3 kredit.

Fakulti ini telah pun menyediakan garis-garis panduan, syarat-syarat serta kelayakan untuk mengikuti kursus Ijazah Lanjutan dalam bidang Kejuruteraan Pertanian di peringkat 'Masters' dan 'Doctorate'. Buat masa ini fakulti belum lagi mengambil pelajar untuk mengikuti program di peringkat Ijazah Lanjutan.

## **Kemudahan**

Alat-alat dan kemudahan baru telah diperolehi dan ditempatkan di makmal-makmal berikut:—

- Universal testing machine
- Concrete Compression testing machine
- Concrete flexural strength testing machine
- Curing tank with pump and heater
- Sieve and shaker

## **Makmal Kejuruteraan Elektrik:—**

- Oscillator Trio
- Maxireg variable power supply
- Oscilloscop Trio
- Circuit Capacitator Analyst

## **Makmal Environmental Engineering**

- Printing electronic integrator Air flow
- Air Flow demonstration apparatus
- Albedometers
- Air conditioning laboratory unit
- Refrigeration system trainer

## **Makmal Memproses**

- Rice sizing seed buro

## **Makmal Tanah & Air Dan Kajidaya Tanah**

- Flow net demonstration set
- Triaxial test set
- Shear appraturus

### **Makmal Grafik**

- Canon Copy NP 5000
- Traversing equipment

### **Makmal Kuasa dan Jentera**

- Traktor Fiat Model 540
- Testing dynamometer
- Oscillograph Recorder
- Magnetic tape recorder

### **Pelawat**

Fakulti ini telah menerima pelawat-pelawat dari luar negeri seperti berikut:—

- Prof. B.T. Stephanson dari University of Alberia, Canada dalam bulan Januari, 1978
- Prof. Wesley F. Buchele dari Iowa State University, U.S.A. dalam bulan Januari, 1978.
- Prof. Brian May dari National College of Agricultural Engineering, U.K. pada bulan April, 1978.

### **Lawatan ke Luar Negeri**

- Encik Choa Swee Lin telah membuat lawatan sambil belajar ke United Kingdom dan Germany pada bulan Mei, 1978
- Encik Mohd. Nordin bin Ibrahim, Pemangku Ketua Jabatan Sains Kejuruteraan dan Kejuruteraan Memproses telah menghadiri "International Conference on Computer Applications in Developing Countries" di Asian Institute of Technology, Bangkok dari 22hb. hingga 25hb. Ogos, 1977.
- Encik Mohd Nordin bin Ibrahim dan Dr. Van Vi Tran telah menghadiri "The International Solar Energy Congress" di New Delhi, India dari 16hb. hingga 21hb. Januari, 1978.
- Encik Badarudin Harun, Pembantu Kanan Makmal, telah mengikuti "Technical Training Scheme" di National College of Agricultural Engineering anjuran Inter-Universities Council pada bulan Februari, 1978.

### **Penerbitan**

Penerbitan-penerbitan berikut telah diterbitkan oleh pensyarah di Fakulti ini pada tahun 1977-78.

1. R. Bautista, Choa Swee Lin (1978). The Present Status and Future Prospects of Agricultural Mechanization. Proceedings of the International Conference in Rural Development. Paper presented at the Asian Institute of Technology, Bangkok.



2. Van Vi Tran. Technical and Economic Aspects of a Solar Still Coupled with a Greenhouse in Arid Lands of Developing Countries. Paper presented at International Solar Energy Congress at New Delhi, India.

3. Van Vi Tran. The Potential Use of Solar Energy in Rural Areas in Vietnam. Paper presented at International Solar Energy Congress at New Delhi, India.

### Penyelidikan

Tajuk-tajuk projek penyelidikan yang dijalankan dalam bidang-bidang yang disebutkan adalah seperti berikut:—

- i) Soil and Water Engineering
  - Design and construction of a rainfall simulator
  - Evaluation of Penman's and Thornthwaite's Equation For use in Malaysian condition.
  - Study of the relationship between rainfall and runoff on a small agricultural watershed.
  - An Analysis of climatic data in Serdang Area for engineering design.
  - A comprehensive study of water supply and demand of Universiti Pertanian Malaysia farm.
  - Determination of some engineering properties of Universiti Pertanian Malaysia farm.
  - Determination of some engineering properties of Universiti Pertanian Malaysia soils.
  - Various design criteria for drip irrigation of tin tailings.
  - Design and construction of an irrigation, drainage and access road system for groundnut seed production area.
  - Design and construction of shallow wells for irrigation of Tobacco on bris soils.
  
- ii) Environmental, Crop and Food Engineering
  - The effect of various drying techniques on the milling qualities of Malaysian rice.
  - Solar Energy utilization for batch drying of rice
  - Utilization of Solar Energy as an Alternative of supplement heat source for curing of Tobacco.
  - Design, construction and testing the performance of flat plate solar energy collectors.
  - A continuous solar drying system for agricultural produce
  - Solar Energy for distilled and hot water production
  - Solar Energy utilization for batch drying of agricultural produce
  - Design, development and testing of a prototype solar pump
  - Design and construction of A Solar Refrigerator
  - A Small Bio – Gas Plant

- iii) **Mechanization, Machine Design and Materials**
  - The Mechanization of rice flake (emping) production
  - Testing and analysing the performance of a prototype groundnut sheller
  - Design and construction of a prototype groundnut lifter
  - Design and construction of a rubber seedling puller
  - Lubrication properties of some Malaysian Agricultural Oils.
  
- iv) **Farm Structures**
  - Physical properties of rice husk with respect to its economic utilization
  - Effect of various moisture content of rice on bin pressures
  - Various design criteria for Universiti Pertanian Malaysia farm structures
  - Strength properties of Malaysian bamboo and rattan
  - Utilization of farm by products as low cost building materials
  - Study of the use of soil cement for cheap flooring materials



## FAKULTI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

Dekan: Profesor Atan bin Long, B.A. (Hons) B.Ed. (Postgraduate) (Malaya), M.Sc; Ph.D. (Wisconsin)

### Pendahuluan

Buat pertama kalinya Fakulti Perkhidmatan Pendidikan telah mengeluarkan siswazah Master Sains. Beliau ialah Puan Habibah Elias. Beliau mula mengikuti program Master ini pada akhir tahun akademik 1976-77 dan menamatkan kursusnya pada akhir tahun akademik 1977-78. Beliau telah mengikuti kursus Master Sains dalam bidang Psikologi Pendidikan.

Fakulti Perkhidmatan Pendidikan telah menjalankan program latihan mengajar bagi siswa-siswi Diploma Sains dengan Pendidikan dan Bachelor Sains dengan Pendidikan. Latihan ini dijalankan di beberapa buah sekolah di seluruh Semenanjung Malaysia selama enam minggu, iaitu pada cuti akhir semester kedua dari 24hb. April, hingga 19hb. Jun, 1977.

Negeri-negeri yang terlibat dalam latihan mengajar ialah:—

Negeri Johor	—	27 buah sekolah
Negeri Melaka	—	13 buah sekolah
Negeri Sembilan	—	17 buah sekolah
Negeri Selangor	—	14 buah sekolah
Wilayah Persekutuan	—	9 buah sekolah
Negeri Perak	—	20 buah sekolah
Negeri Pahang	—	7 buah sekolah

### Kakitangan

Jumlah kakitangan akademik Fakulti ini ialah 41 orang.

Pegawai-pegawai berikut telah dilantik: Encik Zahid bin Embi pada 22hb. November, 1977 dan Encik Ahmad bin Mohd. Isa pada 22hb. September, 1977.

Puan Elaine Wijasurya telah meletakkan jawatan sebagai pensyarah Bahasa Inggeris.

Sembilan orang pegawai telah cuti belajar. Mereka ialah:— Mohd. Zain bin Haji Mohd. Ali, Jamali bin Ismail, Nazaruddin bin Mohd. Jali, Abd. Malek bin Haji Md. Hanafiah, Kamaruddin bin Haji Kacar, Mohd. Ismail Ridzwan, Azizah bin Abdul Rahman, Musalmah binti Haji Asli dan Ahmad bin Muhammad Isa.

## **Perkara-Perkara Akademik**

### **i) Program Baru**

Pada tahun akademik 1977-78, Fakulti Perkhidmatan Pendidikan telah menjalankan dua program baru. Program-program tersebut ialah:

Program Bachelo Pendidikan (Sains Pertanian)

Program Bachelo Pendidikan (Teknologi Rumahtangga)

Program Bachelo Pendidikan (Sains Pertanian) diadakan bagi menyediakan dan mengeluarkan guru-guru terlatih yang cukup banyak untuk mengatasi kekurangan guru-guru pertanian di sekolah-sekolah menengah atas, sekolah-sekolah vokasional dan institut-institut pertanian di negara ini.

Sesuai dengan dasar Universiti Pertanian Malaysia yang mementingkan pertanian dan penduduk-penduduk luar bandar amnya, Fakulti Perkhidmatan Pendidikan telah menumpukan perhatian kepada sektor ini di dalam konteks kebangsaan dan negara yang lebih luas. Hasil tinjauan-tinjauan yang telah dibuat, Fakulti Perkhidmatan Pendidikan merasakan beberapa sumbangan untuk memperbaiki sistem pendidikan dapat diberikan dalam bidang pendidikan pertanian.

Kekurangan guru Sains Pertanian, terutama di peringkat sekolah menengah atas menyebabkan pendidikan di bidang ini tidak diberikan perhatian yang berat dan bagi murid-murid yang memilih mata-pelajaran ini, mereka hanya terhad setakat peringkat sekolah menengah rendah sahaja. Secara keseluruhan, 60% daripada penduduk negara ini terlibat di dalam perusahaan pertanian padahal mereka hanya menghasilkan kira-kira 30% dari keluaran negara. Dengan berkembangnya pendidikan Sains Pertanian diharapkan penggunaan tenaga di bidang ini akan dapat mengeluarkan hasil yang lebih tinggi.

### **ii) Ijazah Lanjutan**

Fakulti Perkhidmatan Pendidikan telah mengendalikan Program Ijazah Lanjutan bermula dengan seorang calon iaitu Puan Habibah binti Elias yang mengikuti program Master Sains dalam bidang Psikologi Pendidikan.

Dalam tahun akademik 1977-78 terdapat tiga orang calon yang mengikuti Program Master Sains dan seorang Pra-Master. Mereka terdiri dari Encik Chan Chan Hoa dalam bidang Psikologi Pendidikan, Encik Omardin Haji Ashaari dalam bidang Sosiologi Pendidikan dan Puan Rahil binti Mahyuddin dalam bidang Psikologi Pendidikan.

Calon Pra Master pula ialah Encik Mohd. Zainuddin Hashim dan beliau mengambil bidang Psikologi Pendidikan.



**iii) Pesekutu Akademik**

Hingga akhir tahun akademik 1977-78, Fakulti Perkhidmatan Pendidikan belum lagi mempunyai Pesekutu Akademiknya. Perkara ini sedang dalam perbincangan dan masih dalam proses untuk mendapatkan kelulusan dari pihak Senat Universiti Pertanian Malaysia.

Dalam perbincangan-perbincangan yang dibuat, Lembaga Pesekutu Akademik akan ditubuhkan dengan dianggotai oleh kira-kira 60 orang yang terdiri dari guru-guru besar yang terlibat dalam latihan mengajar.

Dalam tahun akademik 1978-79, Lembaga Pesekutu Akademik Fakulti Perkhidmatan Pendidikan dijangka akan tertubuh dengan mendapat kelulusan daripada Senat.

**iv) Lembaga Penasihat Fakulti**

Pada masa ini Fakulti Perkhidmatan Pendidikan masih belum mempunyai Lembaga Penasihat Fakulti. Cadangan-cadangan telah dibuat bagi menubuhkan Lembaga Penasihat Fakulti tetapi hingga ke saat ini kelulusan dari pihak Senat belum lagi didapati.

**v) Pemeriksa Luar**

Pada tahun akademik 1977-78 seorang Pemeriksa Luar telah dilantik bagi Program Ijazah Lanjutan. Beliau ialah Dr. Kanka Mallick.

**Persidangan/Seminar/Forum/Bengkel yang Dihadiri**

Pegawai-pegawai berikut telah menghadiri persidangan/seminar/forum dan bengkel berikut:—

Dr. Harun Derauh telah menghadiri “Persidangan Makanan dan Pertanian Malaysia 2000” di Universiti Pertanian Malaysia pada 25hb. dan 26hb. Julai 1977.

Dr. Harun Derauh telah menjadi ahli panel forum di Bukit Fraser pada 4hb. Ogos, 1977.

Dr. Harun Derauh dan Encik Norhalim Haji Ibrahim telah menghadiri seminar “Ethnografi Orang Asli” di Universiti Malaya pada 8hb. Ogos, 1977.

Dr. Harun Derauh telah membuat penyelidikan di MADA dari 26hb. hingga 29hb. Disember, 1977.

Dr. Harun Derauh telah menghadiri forum pelajar yang bertajuk “Ideologi dan Pembangunan Negara” di Universiti Pertanian Malaysia pada 18hb. Disember, 1977.

Dr. Harun Derauh dan Encik Zahid Emby telah menghadiri seminar “Pertubuhan Desa” di Universiti Sains Malaysia pada 20hb. Januari, 1978.



Dr. Harun Derauh telah memberi taklimat kepada Guru-Guru Besar di Bentong pada 3hb. April, 1978; di Seremban pada 4hb. April, 1978; dan di Segamat pada 5hb. April, 1978.

Encik Mohd Shah Haji Lassim telah membuat persediaan dan perancangan latihan mengajar di Seremban pada 14hb. hingga 18hb. November, 1977 di Ipoh pada 22hb. dan 23hb. November, 1977; di Kuantan pada 20hb. hingga 22hb. Januari, 1978; di Melaka pada 24hb. Februari 1978; di Johor Bharu pada 25hb. dan 26hb. Februari, 1978; dan di Ipoh pada 16hb. Mac, 1978.

Encik Mohd Shah Haji Lassim telah menghadiri seminar latihan mengajar di RECSAM, Pulau Pinang dari 1hb. hingga 4hb. Julai, 1977.

Encik Mohd Shah Haji Lassim telah menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Sukatan Pelajaran Sains Pertanian Tingkatan 4 dan 5 di Bukti Fraser dari 24hb. hingga 28hb. Oktober, 1977.

Encik Mohd Shah Haji Lassim telah menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Sukatan Pelajaran Sains Pertanian Tingkatan 4 dan 5 di Kuala Lumpur pada 29hb. dan 30hb. Januari, 1978.

Encik Mohd Shah Haji Lassim dan Puan Kamariah Haji Abu Bakar telah menghadiri bengkel "Penilaian Sains dan Matematik" di RECSAM, Pulau Pinang dari 12hb. hingga 15hb. Mac, 1978.

Encik Mohd Shah Haji Lassim telah menghadiri "International Post-graduate Training Course for Teachers of Agriculture" di University of Agriculture, Nitra, Czechoslovakia dari 1hb. April hingga 10hb. Jun, 1978.

Encik Abdul Halin Hamid, Encik Norhalim Haji Ibrahim dan Encik Kamal bin Datuk Bashah telah menghadiri seminar "Impek dan Masalah Sosiologi dan Ekologi dalam Pembangunan" di Pulau Pinang dari 3hb. hingga 6hb. Oktober, 1977.

Encik Abdul Halin Hamid, Puan Kamariah Haji Abu Bakar dan Encik Abdul Rahman bin Aroff telah melawat Pusat Sumber di Universiti Malaya pada 20hb. Disember, 1977; di Universiti Sains Malaysia dan RECSAM pada 29hb. dan 30hb. Januari, 1978 dan di CDC di Kuala Lumpur pada 28hb. Februari, 1978.

Encik Abdul Halin Hamid telah menghadiri seminar "Nilai dan Norma Masyarakat Malaysia" di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 27hb. hingga 29hb. Mac, 1978.

Puan Kamariah Haji Abu Bakar telah menghadiri kursus pensyarah/kakitangan penting Sains di CDC, Kuala Lumpur dari 11hb. hingga 16hb. Julai, 1977.

Puan Kamariah Haji Abu Bakar telah menghadiri bengkel "Pengajaran Sains Paduan" di Universiti Malaya pada 25hb. hingga 27hb. Januari, 1978.



Puan Kamariah Haji Abu Bakar telah memberi taklimat kepada Guru-guru Besar di Johor dari 3hb. hingga 5hb. April, 1978.

Puan Kamariah Haji Abu Bakar telah menghadiri bengkel untuk menganalisa kandungan Kurikulum Sains Paduan serta menyediakan item-item ujian untuk mengukur pencapaian murid-murid tingkatan 1 dan 3 di Bukit Fraser dari 2 hingga 12hb. Mei, 1978.

Cik Aizan Mohd Yusof telah menghadiri seminar Sosiologi di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 4hb. Februari, 1978.

Encik Norhalim Haji Ibrahim memberi taklimat kepada Guru-guru Besar di Melaka pada 4hb. April, di Segamat pada 5hb. April dan di Perak pada 11hb. hingga 12hb. April, 1978.

Encik Ahmad Haji Ismail telah memberi taklimat kepada Guru-guru Besar di Bentong pada 3hb. April di Segamat pada 5hb. April dan di Seremban pada 24hb. April, 1978.

Encik Abd. Rahman Md. Aroff telah memberi taklimat kepada Guru-guru Besar di Johor pada 3hb. hingga 5hb. April, 1978.

Cik Sharifah Noor telah memberi taklimat kepada Guru-guru Besar di Johor pada 3hb. hingga 5hb. April, 1978.

Cik Sharifah Noor telah menghadiri Pesta Pembangunan di Batu Pahat, Johor dari 26hb. hingga 30hb. Oktober, 1978.

Encik Zahid Emby telah menghadiri seminar "Rural Institutions and Rural Development in the Muda Irrigation Scheme" di Jabatan Perdana Menteri Pada 25hb. Februari 1978 dan seminar "The Modernization of Agriculture in a Malay Peasant Community" di Jabatan Perdana Menteri pada 31hb. Mac, 1978.

## FAKULTI SAINS DAN PENGAJIAN ALAM SEKITAR

Dekan: Profesor Ariffin bin Suhaimi AMN, B. Sc (Hons), M. Sc, Dip. Ed. (Spore), Ph. D (Reading)

### Pendahuluan

Bagi tahun akademik 1977-1978, Fakulti ini menumpukan usaha dalam melaksanakan program-program akademiknya yang telah sedia ada iaitu:—

- (i) Diploma Sains dengan Pendidikan
- (ii) Bachelour Sains (dengan Kepujian)
- (iii) Bachelour Sains dengan Pendidikan (dengan Kepujian)
- (iv) Bachelour Sains (Alam Sekitar)

Tahun ini Fakulti merintis jalan ke peringkat tahun III dalam program Bachelour Sains dengan Pendidikannya dan tahun II dalam program Bachelour Sains (Alam Sekitar). Banyak usaha ditumpukan bagi penyelarasan kursus-kursus dalam kurikulum yang ada mengikut kemajuan Jabatan masing-masing. Dalam menempuh peringkat tersebut tadi, Fakulti menghadapi masalah-masalah pelaksanaan yang baru dan yang demikian tenaga dan masa digunakan sepenuhnya untuk menyelesaikan dan mengatasi masalah-masalah ini.

Dari segi tenaga pengajar Jabatan-jabatan di Fakulti menikmati kemajuan dengan kepulangan pegawai-pegawai akademiknya dari melanjutkan pelajaran mereka. Fakulti masih giat dalam aktiviti melatih dan memajukan pegawai-pegawainya terutamanya untuk Jabatan-jabatan Fizik, Matematik dan Kimia. Walaubagaimanapun Fakulti masih tidak mencapai kemajuan yang diharapkan dalam skim kemajuan pegawai am, terutamanya pegawai-pegawai makmal. Latihan-latihan yang dapat diberikan oleh Fakulti kepada mereka adalah terhad.

Dalam usaha pembangunan pula, untuk melaksanakan rancangan-rancangan yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976-80), Fakulti telah menggiatkan tindakan membuat dan menyediakan pelan-pelan bagi bangunan-bangunan berikut:—

- (a) Lima tingkat Bangunan Sains Fizik yang akan menempatkan Jabatan-jabatan Fizik, Kimia dan Pentadbiran pusat Fakulti.
- (b) Tiga tingkat Bangunan Biokimia dan Mikrobiologi
- (c) Tiga tingkat Bangunan Sains Alam Sekitar. •

### Kakitangan

Pada akhir tahun akademik 1977-78 terdapat seramai 128 orang pegawai akademik dan 106 pegawai am.

Pada tahun akademik 1977-78, dua orang Pemangku Ketua Jabatan telah dilantik. Mereka ialah:—



(a) Dr. Mohd Yusof Sulaiman, seorang pensyarah, yang telah dilantik pada bulan Januari, 1978 untuk Jabatan Fizik.

(b) Dr. Sulaiman bin Haji Noordin, seorang Profesor Madya yang telah dilantik pada bulan Oktober, 1977 untuk Jabatan Alam Sekitar. Sebelum dari itu Dr. Sulaiman berkhidmat di Fakulti Perhutanan.

Seramai 11 orang pegawai akademik yang telah melanjutkan pelajaran ke peringkat M. Sc/Ph. D telah kembali menyambungkan perkhidmatan mereka. Di samping itu Fakulti giat melaksanakan rancangan kemajuan tenaga-tenaga pengajar dan telah menghantar-kan seramai 20 orang lagi pegawai akademiknya untuk meneruskan pelajaran dibidang yang ditetapkan, samada dengan biasiswa Universiti Pertanian Malaysia atau Jabatan Perkhidmatan Awam dan lain-lain yang diluluskan oleh Lembaga Biasiswa dan Cuti Belajar Universiti Pertanian Malaysia. Di akhir tahun akademik 1977-78 dari jumlah 120 orang tenaga pengajar yang dilantik di bawah Skim Perkhidmatan Universiti Pertanian Malaysia, 45 orang sedang melanjutkan pelajaran.

Dalam tahun yang sama juga seramai tiga orang pegawai telah meninggalkan kampus untuk cuti sabbatical manakala seorang pegawai telah kembali dari menjalani cuti yang sama. Mereka yang pergi ialah Encik Lew Soo Kar dari Jabatan Matematik, Dr. Lee Choong Kheng dari Jabatan Kimia dan Puan Ho Yin Wan dari Jabatan Biologi. Pegawai yang kembali dalam tahun yang sama ialah Dr. Ruth Kiew dari Jabatan Biologi.

### Perkara-perkara akademik

Fakulti melaksanakan pengajarannya mengikut kurikulum yang telah diluluskan dengan memberi perhatian kepada perkembangan-perkembangan baru yang difikirkan patut demi menjaga taraf programnya. Sejajar dengan itu kursus-kursus baru diperkenalkan/disediakan dan kursus-kursus baru bagi tahun ini ialah:—

- BKM 251 – Projek Penyelidikan
- FIZ 341 – Electronics
- FIZ 313 – Intro. Solid State
- FIZ 332 – Atomic Physics
- FIZ 334 – Nuclear Physics
- FIZ 362 – Physics Lab.

### Pelawat

Nama	Alamat	Tarikh
Prof. K.N. Marsh (Penasihat Jabatan Kimia)	Dept. of Physical and Inorganic Chemistry University of New England, Armidale, Australia	5hb. – 17hb. Mac, 1978

Prof. G.A. Woolsey (Profesor Pelawat Jabatan Fizik)	Dept. of Physics, University of New England, Australia.	13hb. - 5hb. Mac, Januari, 1978
Prof. G.C. Varley (Pelawat Jabatan Biologi)	Zoology Department, University of Oxford, England	2hb. - 5hb. Mac, 1978
Prof. Ian R. Falconer (Penasihat Fakulti Sains & Pengajian Alam Sekitar)	Dept. of Biochemistry & Nutrition, University of New England, Armidale, N.S.W., Australia	23hb. - 26hb. Mei, 1978
Dr. Cyrus Young (Pensyarah Pelawat Jabatan Sains Alam Sekitar)	Miami University, U.S.A.	7hb. Jun, 1977-30hb. Mac, 1978
Prof. E.J.H. Corner (Profesor Pelawat Jabatan Biologi)	University of Cambridge, United Kingdom	20hb. Oktober. 1977 - 5hb. Mac, 1978
Dr. John C. Klink (MACCEE)	Miami University, Florida, U.S.A.	15hb. Jun, 1978 - 13hb. Februari 1979

Senarai anggota sukarelawan United States Peace Corps yang bertugas di Fakulti ini pada tahun akademik 1977-78 ialah seperti berikut:—

- (a) Encik Phillip dan Encik Andrew Johnson bertugas di Jabatan Matematik dari bulan Januari 1978 hingga bulan Disember, 1980.
- (b) Encik Peter Siegel bertugas di Jabatan Fizik dari bulan Disember 1977 hingga bulan November 1979
- (c) Encik Barbara S. Benson bertugas di Jabatan Biologi dari bulan Mei 1977 hingga bulan Mei 1979
- (d) Dr. Robert Hintz bertugas di Jabatan Biokimia dan Mikrobiologi dari bulan Mei 1977 hingga bulan Mei 1979.

#### **Pelajar-pelajar**

Bilangan pelajar bagi tahun akademik 1977-78 dapat dilihat dari Jadual 9



Jadual 9

**TABURAN PELAJAR DI FAKULTI SAINS DAN PENGAJIAN ALAM SEKITAR  
MENGIKUT PROGRAM DAN TAHUN PENGAJIAN UNTUK TAHUN 1977-78**

Program	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Jumlah
Diploma Sains dengan Pendidikan	242	196	138	576
Bachelor Sains dengan Pendidikan	47	56	34	137
Bachelor Sains (Alam Sekitar)	8	13		21
Jumlah Besar				734

Taburan bilangan pelajar-pelajar dari Fakulti-fakulti dan Jabatan-jabatan lain, termasuk di kampus Cawangan Sarawak, yang mengambil kursus-kursus sains anjuran Fakulti ini pada tahun akademik yang sama seperti berikut:—

Kursus	Bilangan pelajar
Biologi	782
Fizik	792
Kimia	830
Matematik	1117
Biokimia dan Mikrobiologi	135
Alam Sekitar	6

**Kemudahan**

Kemudahan-kemudahan, terutama alat-alat dan bahan-bahan makmal, adalah dibeli mengikut apa yang telah diluluskan dalam anggaran tahunan. Jabatan Biokimia dan Mikrobiologi telah membeli alat-alat yang berikut:—

- (i) High Voltage Electrophoresis
- (ii) Beckman Spinco

## Lawatan/menghadiri seminar

Tarikh	Nama	Tujuan
12hb – 25hb Februari, 1978	Prof. Ariffin Suhaimi	Melawat yayasan-yayasan tinggi dan Pejabat Besar UNESCO di Paris, Perancis
25hb Februari – 4hb. Mac, 1978	Prof. Ariffin Suhaimi	Melawat Universiti Aberdeen
4hb. – 30hb. April, 1978	Prof. Ariffin Suhaimi	Melawat Universiti-universiti di Australia.
7hb – 15hb. Mei, 1978	Prof. Ariffin Suhaimi	Menghadiri seminar “East-West Center Workshop on the Environmental Dimensions of Development Financing Projects” di Hawaii.
19hb – 25hb Februari, 1978	Wong Kien Keong and Tan Wee Tee	Menghadiri seminar “Water Pollution and Control in Developing Countries” di Bangkok.
September, 1977	Dr. Mohd. Aminuddin Mohd. Rouse	Menghadiri “Federation of Asian and Oceanic Biochemists Conference” di Tokyo, Jepun
April, 1978	Dr. Mohd. Aminuddin Mohd. Rouse dan Dr. Oh Saw Yin	Menghadiri “Federation of Asian and Oceanic Regional Conference” di Singapura
September, 1977	Dr. Ruth Kiew	Menghadiri “Flora Europea Conference” di University of Cambridge
April – Oktober, 1977	Dr. Ruth Kiew	Melawat University of Cambridge, Kew Gardens, British Museum dan Rijsherb- orium, Leiden
15hb – 18hb. Ogos, 1977	Dr Mohd. Nawi Abdul Rahman	Menghadiri “Joint Statistical Meeting” di Chicago, Illionois dan membentangkan kertas kerja.
20hb – 22hb. Jun, 1977	Prof. Ariffin Suhaimi	Muzakarah “Pengajian dan Pendidikan Islam di Universiti-universiti dan Institusi- institusi Pengajian Tinggi”, di Institut Teknologi Mara, Shah Alam. (Mem- pengerusikan kertas kerja bertajuk “Bim- bingan dan Aktiviti-aktiviti Agama dalam Yayasan Pelajaran Tinggi”)



20hb September, 1977	Prof. Ariffin Suhaimi	Seminar "Environmental Control" di Nirwana Ball Room, Kuala Lumpur
14hb – 18hb Disember, 1977	Prof. Ariffin Suhaimi	Seminar mengenai Sains dan Islam di Kolej Melayu, Kuala Kangsar, Perak (Membentangkan kertas kerja bertajuk "Sumbangan Islam Terhadap Sains dan Teknologi").

### Forum

Satu forum "Pembangunan Alam Sekitar" telah diadakan oleh Fakulti ini pada 3hb. Februari, 1978 di Universiti Pertanian Malaysia.

### Penyelidikan

Projek-projek penyelidikan yang berikut telah dijalankan oleh pegawai-pegawai akademik Fakulti ataupun pelajar-pelajar tahun akhir program Bachelor Sains dengan Kepujian/Bachelor Sains dengan Pendidikan (dengan Kepujian):—

- 1) Inorganic phyrophosphatse in *Hevea brasiliensis* latex  
– Prof. G.F.J. Moir & Lau Siew Hock.
- 2) ATP – sulphurylase in plants and micro-organisms  
– Dr. Mohd. Aminuddin Rouse & Kooi Eng Teong
- 3) Cyclic-AMP in plants – Dr. Lee Chaing Hin & Lim Boon Tong
- 4) Metabolic aspects of malathion in laying hen  
– Dr. Oh Saw Yin & Teh Kwan Koon
- 5) Enzymology of *Hevea brasiliensis*  
– Prof. G.F.J. Moir
- 6) Pesticide Residues in Food Stuffs  
– Dr. Oh Saw Yin
- 7) Microbial Studies on micro-organisms which utilise reduced sulphur compounds (*Thiobacillus* sp.) and which denitrify nitrate  
– Puan Nyonya bt. Abdul Razak.
- 8) To investigate cyanide patterns in cassava during growth and maturity and during storage of tuber  
– Yeoh Hock Hin & Esther Oh, H.Y.
- 9) To determine cyclic AMP levels in economically important crops including rice and maize and to study the physiological significance of this cyclic nucleotide  
– Dr. Lee Chiang Hin
- 10) Biochemical degradation of oil palm effluent in Soil  
– Encik Ismail b. Omar
- 11) ATP – sulphurylase in plants and micro-oraganisms  
– Dr. Mohd. Aminuddin Rouse

- 12) ATP – formation in the Thiobacilli  
– Dr. Mohd. Aminuddin Rouse
- 13) Solar Energy  
– Chow Sai Pew
- 14) Thermochemical Measurement of Splitting Energy  
– Dr. Badri and Husin Awang
- 15) Physical Properties of Anhydrous Salts  
– Dr. Badri and Wan Sulong Wan Muda
- 16) Magnetic susceptibility Measurement of Salt Hydrates  
– Dr. Badri and Ahmad Hassan
- 17) Activated Charcoal  
– Dr. Badri and Zakaria Awang
- 18) Studies of the Effects of Industrial/Agricultural Effluents On The Chemistry of Waterway  
– Tan Wee and Ng Nee Sim
- 19) Determination of Fluoride in Vegetation  
– Tan Wee Tee and Lor Ching Yoon
- 20) A Study of Some Malaysian Natural Products  
– Dr. Low Kun She, Sakinah Ismail, Faizah Yusof dan Mohd. Hanafi Musa
- 21) Lead as Environmental Pollutant  
– Dr. Low Kun She and Mohd. Yusof bin Arshaad
- 22) Electrochemical Synthesis of Some Organic Salt  
– Yap Kon Sang and Laila Ibrahim
- 23) Oxo-Derivatives of Hetero N compounds  
– Rehan bt. Mohd. Noor
- 24) Phosphate Analysis of Soil and Water  
– Kuang Edin Keaw and Osman b. Yusoff
- 25) Chemistry of Pechmann Dyes  
– Mawardi Rahmani, Ismail Kalam and Safiah Saad.

#### Penerbitan

- 1) Gan Yik Yuen, F.W. Robertson, P.S. Ashton, E. Soepadmo and D. Lel. 1977. Genetic variation in wild populations of rain-forest trees. *Nature* 269: 323 – 325
- 2) Gan Yik Yuan. The deduction of speciation in tropical rain-forest. Proceedings of IV International Tropical Ecology, Symposium, Panama.
- 3) Dr. Ruth Kiew ) “The Genus *Balanophora* in Peninsular Malaysia”. 1977 *Mal. Nat.J.* 30 (in press).
- 4) Dr. Ruth Kiew – “*Ilex micrococca* and *Ilex polyneura*: two new records for Malaya” 1977 *Mal. Nat. J.* 30 (in press) by R. Kiew and B.C. Stone.



- 5) Dr. Ruth Kiew – “Aquifoliaceae” in Tree Flora of Malaya Vol. 3 1978 (in press)
- 6) Dr. Ruth Kiew – “Florae Malesianae Precursores. Oleaceae 1. *Ligustrum*” 1978 *Blumea* 24: 554 – 666
- 7) Dr. Ruth Kiew – “*Ilex praetermissa* (Aquifoliaceae), a new species from Malaya” *Kew Bull.* 32: 562 – 1978
- 8) Teng, Y.S., Tan, S.G. (1977). The development of new electrophoretic and staining procedures for the detection on zymograms of some enzymes from the human brain, liver and placenta. In: H.H. Yeoh & H.T. Khor (Eds.) “Proceedings of the 4th Malaysia Biochemical Society Conference”. *The Malayan Biochemical Society*, Kuala Lumpur. 1977.
- 9) Tan, S.G. dan Teng, Y.S. (1977). Soluble glutamic-pyruvic transaminase, esterase D, nucleoside phosphorylase and placenta acid phosphatase in Malaysians. In: H.H. Yeoh & H.T. Khor (Eds.). “Proceedings of the 4th Malaysian Biochemical Society Conference”. *The Malayan Biochemical Society*. Kuala Lumpur. 1977.
- 10) Tan, S.G. (1977). Human saliva dehydrogenase. *Isozyme Bulletin*. 10: 46.
- 11) Tan S.G. (1977). Human saliva superoxide dismutase. *Isozyme Bulletin*. 10: 47.
- 12) Teng, Y.S., Tan, S.G., Lopez, C.G., Ng, T. Lie-Injo, L.E. (1978). Genetic markers in Malaysians: Variants of soluble and mitochondrial glutamic oxaloacetic tansaminase and salivary and pancreatic amaylase. Phosphoglucomutase III and saliva esterase polymorphisms. *Human Genetics*. 41: 347 – 354.
- 13) Tan, S.G. & Teng, Y.S. (1977). The human placenta as a source of biochemical genetic markers. *Acta Anthropogenetica*. 1 No. 3: 38 – 44.
- 14) Tan, S.G. (1978). Tanda-tanda genetik biokimia dalam tiga bangsa terbesar di Semenanjung Malayisa dan Singapura: satu penyusunan data. (Biochemical genetic markers in the three main races of Peninsular Malaysia and Singapore: A compilation of data). *Pertanika* 1: 22 – 35.
- 15) Harun b. Budin. On the Existence of Positive Solutions for a Class of Semilinear Elliptic Boundary Value Problems. Research done at the Department of Mathematics, Heriot-Watt University Edinburgh. To appear in *SIAM Journal of Mathematical Analysis*.
- 16) Harun b. Budin. On the Quadrature Technique for Autonomous Differential Equations. Investigation into the use of quadrature technique to establish multiplicity results in position problems.
- 17) Harun b. Budin. Degree Theory Method for a Nonlinear Boundary Value Problem. Proposed title for a talk to be given at the 3rd South East Asia Mathematics Conference at Universiti Kebangsaan Malaysia.
- 18) Mohd. Nawi Abd. Rahman, On m.l.e. in a linear model under normal assumptions when the variance is related to the response. Research done at

the Department of Statistics, N.C. State University, together with Dr. Thoms M. Gerig of the Statistics Department, to be presented at the 1977 Joint Statistical Meetings, Chicago Illinois.

- 19) Tuang Pik King. Working on the following topics: (1) Smallest Homomorphic Image of a Graph, (2) Set Representations of Graphs, (3) Topological Representations of Graphs, (4) Wallman-type Compactification of Hausdorff Topological Spaces.
- 20) Harun b. Budin. Existence of Multiplicity Results for a Class of Nonlinear Boundary Value Problems. Ph.D. Thesis, Heriot-Watt University, Edinburgh.
- 21) Harun b. Budin and K.J. Brown. Multiple Positive Solutions for a Class of Nonlinear Boundary Value Problems. *J. Math. Anal. Appl.* Vol 60 (2), 1977.
- 22) Mohd. Nawi Abd. Rahman. Maximum Likelihood Estimation in Normal Models whose Errors Variances are some functions of their Means. Ph.D. Thesis, N.C. State University, Institute of Statistics Mimeograph Series.
- 23) Gerig, T.M. and Mohd. Nawi Abd. Rahman. Maximum Likelihood Estimation in a Linear Model with Error Variance related to Response. 1977 Abstract – Joint Statistical Meeting, Chicago, August, 1977.
- 24) Tuang Pik King. Topological Representations of Graphs. Ph.D. Thesis, University Malaya, Dec. 1977.
- 25) M. Badri & J.W.S. Jamaieson. Thermochemical Measurement of the Ligand Field Splitting Energies for Hexamine Complexes of Mu (II), Fe (II) and Zn (II). *Can.J.Chem* 55 (3580) 1977.



## PUSAT PENGEMBANGAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN

Pengarah: Nayan bin Ariffin, Dip. Agric. (Malaya), B.S., M.Sc. (L.S.U.), Ph.D (Wisconsin)

### Pendahuluan

Tahun akademik 1977-78, merupakan tarikh kelahiran Makmal Pengembangan di Dusun Tua. Pengisytiharan pembentukan makmal ini telah dilakukan di upacara lawatan pemimpin-pemimpin kampung pada 15hb. November, 1977 oleh Y.B. Profesor Tan Sri Dr. Mohd Rashdan bin Haji Baba, Naib Canselor Universiti Pertanian Malaysia. Pada tahun akademik ini juga, PPPL telah menambahkan perkhidmatan perundingnya dan berkerjasama dengan agensi-agensi kerajaan menjalankan kerja penyelidikan. Kawasan Makmal Pengembangan ini adalah terdiri dari dua buah kampung, kampung Dusun Tua Seberang dan kampung Dusun Tua Batu 16. Pada akhir tahun akademik ini tugas mengumpulkan maklumat bagi perencanan program pembangunan kawasan ini telah selesai di selenggarakan. Kerjasama dari jabatan-jabatan kerajaan seperti Pejabat Daerah, Jabatan Pertanian, RISDA, LPP, Jabatan Perikanan, KEMAS dan Jabatan Kesihatan telah diperolehi dalam usaha mengumpulkan maklumat kawasan ini. Tahap kedua makmal ini dijangka akan di lancarkan pada tahun akademik 1978-79. Di bidang penyelidikan PPPL telah selesai menjalankan satu penyelidikan yang bertajuk "The Potential of Integrating Population Education Elements into Agricultural Rural Development Activities of Major Extension Agencies in Malaysia". Laporan penyelidikan ini telah dibentangkan di seminar AAACU di Filipina pada bulan Disember, 1977.

Untuk memupuk persefahaman dan rasa terima kasih univerti kepada penduduk-penduduk luarbandar atas kerjasama yang telah diberikan kepada pelajar-pelajar yang membuat kerja amali di tempat mereka, satu majlis Ramah Mesra telah diadakan di PPPL pada 15hb. November, 1977. Kira-kira 200 orang petani telah dijemput ke kampus Universiti Pertanian Malaysia untuk beramah mesra dan bertukar-tukar fikiran dengan pegawai-pegawai Universiti Pertanian Malaysia.

Dalam tahun akademik 1977-78 juga, PPPL dengan kerjasama fakulti-fakulti lain di universiti ini telah memberi khidmatnya kepada 452 peserta dari agensi-agensi pembangunan dengan mengendalikan kursus-kursus dalam perkhidmatan untuk pegawai-pegawai dari agensi-agensi tersebut. Antara kursus-kursus yang telah dikendalikan itu ialah:

- (i) Kursus Asas Pengembangan Pertanian untuk Penolong Pegawai RISDA (wanita) dari 31hb. Oktober hingga 12hb. November, 1977 – dihadiri oleh 25 orang peserta.
- (ii) Kursus dalam Perkhidmatan untuk Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan Daerah dari 14hb. hingga 19hb. November, 1977 – dihadiri oleh 25 orang peserta.
- (iii) Kursus Pengembangan untuk Pembantu Khidmat Peladang LPP dari 24hb. hingga 29hb. April 1978 – dihadiri oleh 30 orang peserta.

- (iv) Kursus Pengembangan untuk Pemaju Masyarakat Rancangan Desa Usaha KEMAS dari 15hb. hingga 27hb. Mei, 1978 – dihadiri oleh 30 orang peserta.
- (v) Kursus Ternakan Ayam untuk Pegawai LPP dari 20hb. hingga 25hb. Oktober, 1977 – dihadiri oleh 30 orang peserta.
- (vi) Kursus Naib Pengerusi dan Setiausaha JKRR (FELDA) dari 15hb. hingga 18hb. November, 1977 – dihadiri oleh 280 orang peserta.
- (vii) Kursus Teknologi Bijibenih dan Semaian Tanaman untuk pegawai-pegawai LPP dari 17hb. hingga 22hb. April, 1977 – dihadiri oleh 32 orang peserta.

Di samping kursus-kursus di atas, PPPL juga telah menghantar beberapa pegawainya ke Institut Pembangunan Tanah FELDA di Trolak untuk menolong pihak FELDA memberi kursus dalam perkhidmatan kepada pegawai-pegawainya. Antara kursus-kursus yang diberikan itu ialah:

- (i) Pendidikan Kependudukan dari 9hb. hingga 13hb. Ogos, 1977 – dihadiri oleh 30 peserta.
- (ii) Aspek-Aspek Sosial dalam Pembangunan Tanah pada 18hb. Oktober, 1977 dihadiri oleh 30 orang peserta.
- (iii) Aspek-Aspek Sosial dalam Pembangunan Tanah dari 24hb. hingga 25hb. Oktober. 1977 – dihadiri oleh 30 orang peserta.

Tahun akademik 1977-78 juga merupakan tahun pertama PPPL memulakan khidmatnya di Kampus Cawangan Sarawak. Sebanyak 3 jenis kursus dalam bidang pendidikan pengembangan dan perhubungan pembangunan telah dikemukakan kepada pelajar-pelajar Tahun II dan III Diploma Pertanian.

### **Kakitangan**

Sehingga akhir tahun akademik 1977-78, PPPL mempunyai 52 orang pegawai semuanya. Ini terdiri daripada 20 orang pegawai akademik dan 32 orang pegawai am. Seramai 6 daripada pegawai akademik sedang melanjutkan pelajaran di peringkat Masters dan Ph.D.

Dalam tahun akademik 1977-78, PPPL mempunyai seorang pelajar di peringkat ijazah lanjutan yang sedang mengikuti pengajian dalam bidang perhubungan pembangunan.

Latihan kerja amali pengembangan adalah diwajibkan kepada tiap-tiap pelajar Diploma Pertanian III yang bakal menjadi pegawai-pegawai pengembangan setelah tamat pengajian mereka di Univeristi Pertanian Malaysia. Untuk melaksanakan latihan kerja amali ini, PPPL telah menghantar pelajar-pelajar tersebut ke kawasan pengembangan Universiti Pertanian Malaysia bertempat di tiga buah daerah (dalam dua buah negeri) dan lima buah perkampungan orang Asli. Kawasan-kawasan itu ialah seperti berikut:—



Negeri	Daerah	Mukim	Jumlah Kampung Yang terlibat	Jumlah Keluarga
Selangor	Kuala Langat	Tanjong Dua Belas	5	1,400
Selangor	Ulu Langat	Ulu Langat Selatan	5	670
Negeri Sembilan	Seremban	Setul	7	300
Negeri Sembilan	Seremban	Lenggeng	12	850
Negeri Sembilan	Seremban	Ulu Beranang	6	420

Bagi memenuhi keperluan ini kerja amali pelajar-pelajar Diploma Pertanian Tahun 111 dikehendaki bertugas di kampung-kampung tersebut antara bulan November, 1977 hingga bulan Mac, 1978. Pelajar-pelajar ini dilatih merancang, melaksanakan dan menilai program-program perubahan jangka pendek dengan penduduk dalam kampung-kampung yang berkenaan. Kegiatan pelajar-pelajar di kampung-kampung ini dibimbing dan diawasi oleh pensyarah-pensyarah dan pegawai pengembangan PPPL.

#### Persidangan/Kursus yang Di hadiri

Tarikh	Pegawai	Persidangan/Kursus yang dihadiri
14hb. November, — 9hb. Disember, 1977	Aminah Ahmad	Kursus "Regional Training Program As Social Laboratory" di Los Banos, Philippines. Kursus ini adalah dibawah anjuran SEARCA/UPLB.
25hb. November, 1977	Dr. Alang Perang	Seminar "National Seminar on Population and Employment" di Kuala Lumpur.
26hb. — 30hb. November, 1977.	Ng Choon Sim	Seminar "Consumer Education" anjuran Consumers Association Pulau Pinang.
28hb. November — 2hb. Disember, 1977	Dr. Nayan Ariffin	Seminar "Research Management" di Kuala Lumpur.
8hb. — 13hb. Disember, 1977	Dr. Alang Perang Rahim Md. Sail	Bengkel "Integrating Population Education into Development Activities" anjuran AAACU di Manila, Philippines.

13hb. Disember, 1977	Dr. Nayan Ariffin	Persidangan "8th RIHED Governing Board Meeting" di Singapura.
15hb. – 17hb. Disember, 1977	Dr. Alang Perang	Seminar "Interdisciplinary in Higher Education" anjuran ASAIHL di Cebu City, Philippines.
1hb. Januari, – 1hb. Februari, 1978	Bahari Yatim	Kursus "Technology Transfer Management Training Programme" anjuran SEARCA/UPLB di Los Banos, Philippines.
22hb. – 22hb. Mac, 1978	Azimi Haji Hamzah	Seminar "Linkages Between University Based on Population Activities and National Population/Family Planning Programme" di Bangkok.
25hb. April, 1978	Mohd Yusoff Hussain	Bengkel "Population for Journalists and Heads of University Journalism Department".
27hb. – 29hb. Mac, 1978	Mohd Yusoff Hussain dan Ng Choon Sim	Seminar "Nilai dan Norma Masyarakat-masyarakat Malaysia" anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di Kuala Lumpur.

#### Pelawat

Mr. L.D. Wijekoon dan Mr. T. Mtilakaratne dari Agriculture Diversification Project, Peradeniya, Sri Lanka melawat PPPL pada 21hb. Januari, 1977.

Mr. Weaton dan Bestysy Flagen, Director, USIS dari U.S. Embassy telah melawat PPPL pada 3hb. Februari, 1977.

Miss Joan A. Mead dari FAO telah melawat PPPL pada 28hb. Februari, 1977.

Dr. Gagne dari SEARCA telah melawat PPPL pada 23hb. Mac, 1977.

Mr. I.M. Nitis dari Udayana Universiti, Denpasar, Bali telah melawat PPPL 20hb. Ogos, 1977.

Mr. Alan Hancock dari UNESCO telah melawat PPPL pada 24hb. Mac, 1977.

Mr. M.L. Barnett dari Cornell University, Ithaca, N.Y. telah melawat PPPL pada 29hb. Disember, 1977.

Dr. E.J. Boone dari North Carolina University telah melawat PPPL pada 13hb. September, 1977.



## Penerbitan

Setakat ini PPPL telah mengeluarkan sebanyak empat jenis penerbitan untuk di sebarkan kepada pegawai-pegawai pengembangan di agensi-agensi pengembangan di seluruh Malaysia.

Penerbitan-penerbitan tersebut ialah *Majalah Pengembangan*, *Buletin Pengembangan*, *Risalah Ladang* dan *Penerbitan Pengembangan*.

*Majalah Pengembangan* – diterbitkan 4 kali setahun, iaitu pada bulan Mac, Jun, September dan Disember. (Tiap-tiap penerbitan ialah sebanyak 2,000 naskah)

*Buletin Pengembangan* – mula diterbitkan pada tahun 1977 sebanyak 4 kali setahun. Senarai Penerbitan adalah seperti berikut:—

Pencegahan Serangga Perosak Tanpa Menggunakan Racun Serangga oleh A. Ghani Ibrahim (2,000 naskah).

Apakah Musuh-Musuh Tanaman oleh Mohd. Yusof Hussain (2,000 naskah)

Mengendali Racun Serangga oleh Mohd. Yusof Hussain (2,000 naskah)

Keselamatan Dalam Menggunakan Racun-racun Kulat dan Rumpai oleh Rosli Mohamed (3,000 naskah)

*Risalah Ladang* – Sebuah penerbitan tidak berkala untuk bacaan peladang-peladang di kawasan dan makmal pengembangan Universiti Pertanian Malaysia. Memuat penerangan ringkas mengenai pertanian dan teknologi rumahtangga. Mula diterbitkan pada tahun 1977. Senarai penerbitan adalah seperti berikut:—

Panduan Bagi Ibu-Ibu Mengandung oleh Mary Tay dan Kamsiah Yahaya. (3,000 naskah)

Cara-cara Membasuh Lampin Bayi oleh Mary Tay dan Fiazah Mohamad. (3,000 naskah)

Cara-cara Memandikan Bayi oleh Mary Tay dan Sowiah Dahlan. (2,000 naskah)

Hapuskan Lalat oleh Mary Tay dan Wan Hawa Ahmad. (2,000 naskah)

Cacing-cacing Usus oleh Mary Tay dan Kamsiah Yahaya. (2,000 naskah).

Cara-cara Membuat Penadah Sampah oleh Mary Tay dan Kamsiah Yahaya. (2,000 naskah).

*Penerbitan Pengembangan* – Sebuah penerbitan tidak berkala diterbitkan khusus untuk bacaan perancang-perancang dan pentadbir-pentadbir pengembangan. Memuat kertas-

kertas "occasional", kertas kerja dan kertas-kertas kajian mengenai pertanian, pembangunan dan perhubungan. Mula diterbitkan pada tahun 1976.

Senarai Penerbitan adalah seperti berikut:

Factors Associated With the Adoption of Agricultural Practices, Kampung Bukit Kapar, Selangor, Malaysia. (Cetakan kedua) oleh Lynn L. Pesson.

A Study of Factors Associated With The Farmer's Attitudes Toward the Agricultural Extension Service in The Mukim of Simpoh, District of Kuala Muda, State of Kedah, West Malaysia. (Cetakan kedua) oleh Dr. Nayan Ariffin.

Farmer's Response to Rural Development Messages of Radio—Television Malaysia in Mukim Pekula, Kuala Muda District, Kedah oleh Sulaiman Mohd. Yassin dan Ismail Saud.

Mechanisation of Cultivation and Upkeep Operation oleh Choa Swee Lin.

Some Factors Associated With Animal Protein Consumption in Four Selected Villages, Mukim Kapar, Klang, Selangor — oleh Sulaiman Mohd. Yassin dan Tee Thiong Hock.

Laporan Kajian Pemandangan dan Penyesuaian di Ladang Getah PPGM, Kota Tinggi, Johor oleh PPPL.

The Usage of Pedestrian Tractors in Malaysia oleh Roberto C. Bautista, Khoo Hock Aun dan Kuan Thai Foong.

Bacaan-bacaan Mengenai Perlaksanaan Program Pengembangan oleh Azimi Haji Hamzah (Penyunting).

The Utilization of Farm Information Sources in Developing Countries: Lessons for the Green Book Plan oleh Mohd. Yusoff Hussain dan Sulaiman Mohd. Yassin.

Small Farmer's Response Towards Programs of Educational Change oleh Dr. Nayan Ariffin.

Bacaan-bacaan Untuk Penulis-penulis Pertanian oleh Mohd. Yusof Hussain (Penyunting).

